# JAWAPAN

# KERTAS MODEL SPM

# SEJARAH

## KERTAS MODEL SPM SET 1

### KERTAS 1

1 **A**
**Ulasan:** Golongan diperintah terdiri daripada rakyat yang merangkumi golongan merdeka dan hamba. Secara umum, rakyat Melaka terdiri daripada orang Melayu dan Orang Laut.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 6*

2 **C**
**Ulasan:** Wilayah naungan ialah wilayah yang menerima ketuanan Kesultanan Melayu Melaka sama ada melalui perkahwinan atau persahabatan. Contohnya, wilayah naungan ialah Lingga, Patani dan Kedah. Wilayah yang diperoleh melalui perkahwinan adalah Siantan yang dihadiahkan kepada Sultan Mansur Shah kerana mengahwini Puteri Majapahit.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 7*

3 **B**
**Ulasan:** Idea nasionalisme tidak sama antara negara dengan zaman kerana idea tersebut berkait rapat dengan pengalaman sejarah dan pengaruh sekeliling seperti keturunan, agama, bahasa dan adat resam.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 22*

4 **B**
**Ulasan:** Perkembangan nasionalisme di Asia merupakan kesinambungan idea nasionalisme di Barat kesan pertembungan ilmu dan budaya yang berlaku dengan bangsa Eropah. Kedatangan dan penjajahan kuasa Eropah di Asia mencetuskan kebangkitan nasionalisme di India, China, Mesir, empayar Uthmaniyah dan Jepun. Kita perlu mengambil iktibar supaya sentiasa berwaspada terhadap anasir asing yang boleh menjejaskan kedaulatan bangsa dan negara.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 26–27*

5 **D**
**Ulasan:** Jepun menggunakan propaganda seperti penggunaan slogan “Semangat Asia” dan “Asia untuk Orang Asia’ bertujuan untuk menanamkan semangat antipenjajah Barat dan menonjolkan imej Jepun sebagai pembela negara Asia.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 68*

6 **D**
**Ulasan:** Amerika Syarikat telah menggunakan bom atom dalam serangan terhadap Jepun pada bulan Ogos 1945. Peristiwa tersebut telah membawa kekalahan kepada tentera Jepun dan berakhirnya Perang Dunia Kedua.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 82*

7 **C**
**Ulasan:** Faktor penyerahan Sarawak kepada British termasuklah seperti masalah perwarisan takhta, iaitu Vyner Brooke tiada anak lelaki untuk dijadikan pewaris kerana semakin tua dan uzur. Kedua, desakan kerajaan British, di mana British mendesak Vyner untuk menyerahkan Sarawak untuk menguasai ekonomi dan menjaga kepentingan pelaburan British di negeri tersebut. Dan ketiga, Vyner mengalami masalah kewangan untuk memulihkan Sarawak selepas Perang Dunia Kedua.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 107*

8 **A**
**Ulasan:** Gerald T. MacBryan telah menggunakan pelbagai muslihat seperti tekanan, desakan, pujukan dan sogokan untuk mendapatkan persetujuan daripada ketua tempatan. Cara ini sama seperti tindakan Sir Harold MacMichael yang menggunakan cara yang sama untuk mendapatkan persetujuan sultan dalam melaksanakan Malayan Union.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 99 & 109*

9 **A**

**Ulasan**: Cristiano Ronaldo akan mendapat kewarganegaraan secara pendaftaran kerana melalui Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948, sesiapa yang dilahirkan di Persekutuan Tanah Melayu dan bermastautin selama 15 daripada tempoh 20 tahun dari hari permohonannya boleh mendapat kewarganegaraan Persekutuan Tanah Melayu.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 135*

10 **C**

**Ulasan**: Antara kesan penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948 termasuklah membuka ruang kewarganegaraan yang mana orang bukan Melayu diberi ruang menjadi warganegara melalui cara kuat kuasa undang-undang dan pendaftaran. Manakala orang Melayu diiktiraf sebagai penduduk asal yang diberikan kedudukan istimewa.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 136*

11 **C**

**Ulasan**: Komunis adalah ideologi yang diasaskan oleh Karl Marx dan Friedrich Engels. Mereka menulis karya *Communist Manifesto* dan *Das Kapital*.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 146*

12 **B**

**Ulasan**: Komunis telah mencetuskan huru-hara di seluruh negara agar penduduknya hilang keyakinan terhadap British. Antara tindakan komunis ialah, melumpuhkan ekonomi, merosakkan infrastruktur, mengancam keselamatan pendudukan dan pasukan keselamatan. Selain menggeledah rumah kediaman dan mengadakan perintah berkurung, antara tindakan lain yang dilakukan oleh British dalam Pengisytiharan Undang-Undang Darurat ialah menahan sesiapa sahaja yang disyaki terlibat dengan komunis. Selain itu, mengetatkan undang-undang senjata api dan mengenakan hukuman berat kepada sesiapa yang membantu komunis. PKM dan parti politik berfahaman radikal diharamkan dan pemimpinnya ditangkap.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 148–149*

13 **A**

**Ulasan**: Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum atau Communities Liaison Committee (CLC) ditubuhkan di Tanah Melayu pada Januari 1949 bertujuan untuk mengkaji hubungan kaum secara mendalam, membetulkan keadaan politik, ekonomi dan sosial agar wujud pembahagian yang adil untuk semua komuniti serta mewujudkan keadaan harmoni dan muhibah dalam kalangan penduduk negara ini bagi mencapai status berkerajaan sendiri.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 174*

14 **D**

**Ulasan**: Sistem Ahli merupakan langkah awal British dalam menyediakan tanah jajahannya berkerajaan sendiri. Sistem Ahli merupakan sistem yang dapat melatih penduduk tempatan menerajui pentadbiran sebelum British memberikan kemerdekaan.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 178*

15 **D**

**Ulasan**: Kabinet pertama berperanan untuk membincangkan soal kewangan dan keperluan orang tempatan dalam perkhidmatan awam, menyambung sistem yang diguna pakai dalam Majlis Mesyuarat Persekutuan berasaskan Model Westminster, mengurangkan kuasa British, meminta kuasa veto Pesuruhjaya Tinggi dibatalkan dan membincangkan isu keselamatan dalam negeri dan pertahanan.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 206*

16 **B**

**Ulasan**: Kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu memperlihatkan barisan pemimpin yang berwibawa. Mereka berusaha membangunkan negara menerusi jawatan yang diamanahkan, di samping bekerjasama dan berkongsi kuasa antara satu sama lain.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 207*

17 **D**

**Ulasan**: Wakil Raja-raja Melayu yang mengikuti misi rundingan di London ialah Menteri Besar Perak (Dato' Panglima Bukit Gantang, iaitu Dato' Haji Wahab Abd Aziz), Menteri Besar Selangor (Encik Abdul Aziz Abdul Majid), Menteri Besar Johor (Dato' Mohamad Seth Mohammad Said) dan Menteri Besar Kelantan (Dato' Nik Ahmad Kamil Haji Mahmood).

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 216*

18 **A**

**Ulasan**: Tunku Abdul Rahman merancang perjalanan rombongan ke Karachi dengan menaiki kapal laut agar dapat menggunakan masa pelayaran untuk berbincang dengan wakil Raja-raja Melayu. Tunku Abdul Rahman berbuat demikian bagi mendapatkan persetujuan supaya kedua-dua pihak dapat menyusun strategi bersama-sama apabila berunding dengan kerajaan British.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 217*


© Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

**19 C**

**Ulasan:** Takrifan kemerdekaan mengikut Perdana Menteri Ketiga dan Ketujuh Tun Dr. Mahathir bin Mohamad ialah merdeka bukan sekadar bebas daripada cengkaman kuasa dan minda penjajah. Merdeka juga bermaksud menghayati semangat jiwa merdeka dengan menyayangi negara sepenuh hati dan sanggup berkorban untuk negara ini dengan apa-apa cara sekalipun.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 235*

**20 C**

**Ulasan:** Nilai yang boleh diambil daripada Jawatankuasa Sambutan dalam pemasyhuran kemerdekaan negara ialah nilai kerjasama. Hal ini kerana semua peringkat masyarakat memainkan peranan penting dalam menyambut kemerdekaan. Pelbagai jawatankuasa turut diwujudkan agar dapat melancarkan lagi perjalanan sambutan.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 237*

**21 A**

**Ulasan:** Kedaulatan undang-undang bermaksud kerajaan dan rakyat terikat oleh undang-undang yang perlu dipatuhi. Kedaulatan undang-undang menjamin keadilan dalam kehidupan bermasyarakat serta menjadikan negara aman, stabil dan makmur. Badan kehakiman yang bebas dan berwibawa diwujudkan untuk memelihara dan melaksanakan kedaulatan undang-undang.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 7*

**22 D**

**Ulasan:** Sempadan merupakan garis pemisah antara negara dan negeri seperti Thailand yang berkongsi sempadan darat, air dan udara. Sempadan Malaysia diakui oleh masyarakat antarabangsa, khasnya PBB. Penetapan ini memudahkan urusan pemerintahan, pentadbiran, pertahanan dan pembangunan ekonomi negara kita.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 8*

**23 B**

**Ulasan:** Ciri-ciri tradisional Perlembagaan Persekutuan ialah mempunyai kesultanan atau pemerintahan beraja, agama Islam, bahasa Melayu, dan kedudukan orang Melayu dan bumiputera.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 28–29*

**24 B**

**Ulasan:** Undang-undang Negeri-negeri Melayu Bersekutu digubal oleh Majlis Persekutuan manakala Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu digubal oleh Majlis Negeri. Undang-undang Negeri-negeri Selat digubal oleh Majlis Undangan Negeri. Sarawak pula memberikan kuasa kepada Majlis Negeri untuk membuat undang-undang manakala Sabah Majlis Undang berkuasa untuk membuat undang-undang di Sabah.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 24*

**25 B**

**Ulasan:** Durbar dibentuk pada tahun 1897 seiring dengan penubuhan Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Durbar dalam negeri- negeri ini berperanan sebagai sebuah majlis persidangan bagi Raja-raja Melayu negeri Perak, Selangor Pahang dan Negeri Sembilan untuk membincangkan hal ehwal pentadbiran Kerajaan Persekutuan dengan pihak British.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 42*

**26 D**

**Ulasan:** Pengasingan kuasa dalam pentadbiran ditentukan oleh Perlembagaan Persekutuan. Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Utama Negara merupakan punca kuasa kepada ketiga-tiga badan ini.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 52*

**27 D**

**Ulasan:** Sejarah pembentukan sistem Persekutuan di Malaysia bermula pada tahun 1896 hingga tahun 1963. Ia bermula dengan Persekutuan 1896 yang dikenali sebagai Negeri-negeri Melayu Bersekutu, diikuti dengan Majlis Mesyuarat Persekutuan 1927 yang memperkemaskan tadbir urus Persekutuan, Kesatuan Malaya (Malayan Union) ditubuhkan walau bagaimanapun ia gagal dilaksanakan sepenuhnya kerana bantahan dari orang Melayu. Seterusnya, Persekutuan Tanah Melayu yang menggabungkan sembilan buah negeri Melayu dan dua Negeri Selat. Pada tahun 1957 Persekutuan Tanah Melayu 1957 diwujudkan di Tanah Melayu yang merdeka, pada masa ini jawatan Yang di-Pertuan Agong diwujudkan sebagai ketua negara. Pada 1963, Persekutuan Malaysia ditubuhkan yang menggabungkan 11 buah negeri Tanah Melayu, Singapura, Sabah dan Sarawak.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 67*

© Hak cipta System PUBLICATIONS SDN. BHD.

**28** **C**

**Ulasan:** Peranan Kerajaan Persekutuan bagi menjayakan pembangunan sosioekonomi ialah Kerajaan Persekutuan menubuhkan agensi yang dapat memberikan bantuan kewangan dan kepakaran kepada Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri pula menyediakan tanah untuk tujuan pembangunan kerana tanah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 72*

**29** **D**

**Ulasan:** Kandungan laporan Suruhanjaya Cobbold menyatakan dua pertiga penduduk menyokong pembentukan Malaysia mengesyorkan agar Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 dijadikan asas Perlembagaan Persekutuan yang baharu, mencadangkan kuasa autonomi dan jaminan khas diberi kepada Sarawak dan Sabah yang tidak boleh dipinda atau dibatalkan oleh Kerajaan Persekutuan tanpa mendapat persetujuan daripada Kerajaan Negeri berkenaan.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 100*

**30** **A**

**Ulasan:** Indonesia membuat bantahan rasmi pembentukan Malaysia di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Oleh itu, U Thant, Setiausaha Agung PBB mengumumkan penubuhan sebuah jawatankuasa, iaitu United Nations Malaysia Mission (UNMM) pada 12 Ogos 1963 untuk menilai dan membuat laporan. Laurence Michelmore, Duta Amerika Syarikat di PBB mengetuai rombongan melakukan tinjauan di Sarawak dan Sabah. Pada 14 September 1963, misi ini menerbitkan laporan penduduk Sarawak dan Sabah yang menerima pembentukan Malaysia.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 104*

**31** **B**

**Ulasan:** Telah berlaku rusuhan kaum di Singapura pada 21 Julai 1964 yang telah menimbulkan ketegangan kaum. Rusuhan ini berlaku berpunca daripada usaha menuntut persamaan hak sama rata bagi semua kaum yang seterusnya menjadi isu.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 119*

**32** **A**

**Ulasan:** Pengisytiharan darurat oleh Yang di-Pertuan Agong pada 16 Mei 1969 berpunca dari ketegangan hubungan antara kaum pada 13 Mei 1969.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 129*

**33** **B**

**Ulasan:** Penubuhan DBP merupakan antara tindakan kerajaan dalam memartabatkan dan memperkasakan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan bahasa perpaduan. DBP berperanan untuk memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi melalui penerbitan buku dan majalah, menganjurkan seminar dan bengkel, penganjuran aktiviti dan bulan bahasa serta slogan Bahasa Jiwa Bangsa.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 149*

**34** **C**

**Ulasan:** Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) bermula pada tahun 1974. MASUM ditubuhkan bertujuan mengadakan pertandingan sukan dalam kalangan penuntut dan staf universiti tempatan bagi memupuk perpaduan dan integrasi nasional. MASUM menjadi medan untuk atlet menunjukkan kebolehan dalam sukan. Penganjuran MASUM secara bergilir-gilir dapat menggalakkan integrasi antara negeri.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 153*

**35** **A**

**Ulasan:** Matlamat DEB adalah untuk mencapai perpaduan dan kesejahteraan kaum dengan menggunakan strategi membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 167*

**36** **D**

**Ulasan:** Kemunculan tokoh Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera di negara kita turut memberikan faedah kepada peningkatan taraf hidup golongan miskin dengan tawaran pekerjaan dalam syarikat dan industri yang dimiliki oleh golongan ini.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 182*



© Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

**37** **B**

**Ulasan:** Negara Komanwel merupakan antara rakan dagang Malaysia yang utama. Hal ini menjadikan komoditi utama negara dieksport ke negara anggota Komanwel dengan lebih mudah. Kadar cukai yang dikenakan lebih rendah. Contohnya, cukai eksport barangan siap dan cukai produk digital. Pelbagai kemudahan turut disediakan seperti kemudahan kredit dan bantuan dana Komanwel. Pelaburan daripada negara Komanwel juga penting kepada pembangunan ekonomi negara.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 206*

**38** **A**

**Ulasan:** Malaysia bekerjasama dengan negara ASEAN dalam memperkuat pertahanan dan keselamatan rantau Asia Tenggara. Mesyuarat Menteri-Menteri Pertahanan ASEAN diadakan bagi membincangkan kerjasama ini. Malaysia juga menandatangani perjanjian sempadan dengan Thailand pada tahun 1965 untuk menangani isu keselamatan.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 209*

**39** **B**

**Ulasan:** Malaysia berperanan penting dalam pembangunan ekonomi yang melibatkan pembangunan segi tiga yang bertujuan mendapatkan keuntungan bersama apabila negara jiran saling membantu bagi memajukan kawasan yang terlibat. Antara manfaat yang Malaysia peroleh ialah mengurangkan monopoli pasaran barangan dalam ASEAN daripada negara maju. Selain itu mengurangkan kebergantungan pada pasaran kewangan antarabangsa.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 231*

**40** **C**

**Ulasan:** Malaysia telah menandatangani Perjanjian Zon Bebas Senjata Nuklear Asia Tenggara yang menekankan agar negara yang terlibat tidak mengembangkan, mengeluarkan, memperoleh, memiliki atau mengawal senjata nuklear. Hal ini kerana kedudukan Asia Tenggara yang strategik turut melibatkannya secara langsung dalam persaingan kuasa-kuasa besar seperti China dan Amerika Syarikat yang juga mempunyai senjata nuklear. Malaysia bertindak untuk tidak membenarkan perairan Melaka dan Laut China Selatan digunakan oleh kapal perang yang membawa senjata nuklear.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 244*

## KERTAS 2

**Bahagian A**

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| **1**(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 12–13* | F1 Selaras dengan konsep waadat<br>F2 Rakyat bernaung di bawah pentadbiran sultan dan pembesar<br>F3 Hubungan ini dapat menggerakkan jentera kerajaan dan pemerintahan<br>F4 Hubungan timbal balik mengukuhkan pemerintahan sesebuah kerajaan<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menerangkan hubung kait antara rakyat dengan pemerintah.<br>[*Mana-mana* 3 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br><br>[*Maksimum*: 3 *markah*] |
| **1**(*b*)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 12* | F1 Memelihara keamanan dan kebajikan rakyat di kawasan pegangan<br>F2 Menjadi perantara sultan dengan rakyat<br>F3 Mengutip hasil melalui sistem serah<br>F4 Membekalkan tenaga tentera melalui sistem kerah<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan peranan pembesar dalam sistem sosial Kesultanan Melayu Melaka.<br>[*Mana-mana* 3 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br><br>[*Maksimum*: 3 *markah*] |

© Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| **1**(*c*) *KBAT* | F1 Rakyat tidak boleh menderhaka kepada raja<br>F2 Mewujudkan kerjasama antara pemerintah dan rakyat<br>F3 Pemerintah memelihara kebajikan dan keamanan negara<br>F4 Pemerintah memajukan ekonomi<br>F5 Melaksanakan pentadbiran dengan penuh tanggungjawab<br>F6 Pemerintah mewujudkan perpaduan dalam kalangan rakyat<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan cara untuk memelihara hubungan baik antara pemerintah dengan rakyat.<br>[*Mana-mana jawapan munasabah*]<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 4 *markah*] |
| **2**(*a*) *Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 174* | F1 Mengkaji hubungan kaum secara mendalam<br>F2 Membetulkan keadaan politik/ ekonomi/ sosial<br>F3 Mewujudkan pembahagian yang adil untuk semua komuniti<br>F4 Mewujudkan keadaan harmoni/ muhibah dalam kalangan penduduk<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan objektif pembentukan CLC.<br>[*Mana-mana* 2 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 2 *markah*] |
| **2**(*b*) *Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 176–177* | F1 Mengadakan pilihan raya<br>F2 Peringkat majlis bandaran/ majlis negeri/ Majlis Perundangan Persekutuan<br>F3 Memperakui kedudukan istimewa orang Melayu<br>F4 Mengiktiraf kepentingan sah kaum lain<br>F5 Menubuhkan Lembaga Pembangunan Industri Desa (RIDA)<br>F6 Bantuan ekonomi/ kemajuan luar bandar<br>F7 Melonggarkan syarat kewarganegaraan<br>F8 Memberikan kedudukan politik kepada kaum bukan Melayu<br>F9 Melahirkan semangat patriotik/ bertanggungjawab kepada negara<br>F10 Menubuhkan jawatankuasa pendidikan<br>F11 Mengkaji sistem pendidikan<br>F12 Melahirkan pendidikan seragam/ diterima oleh semua kaum<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menghuraikan kejayaan/ kesan CLC dalam menyelesaikan pelbagai isu yang melibatkan pertikaian antara kaum.<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 4 *markah*] |
| **2**(*c*) *KBAT* | F1 Mengeratkan perpaduan kaum<br>F2 Mengelakkan konflik perkauman<br>F3 Meningkatkan persefahaman antara pemimpin masyarakat berbilang kaum<br>F4 Menyelesaikan masalah secara rundingan<br>F5 Bersatu dalam memajukan ekonomi negara<br>F6 Sanggup berkorban demi keselamatan negara<br>F7 Mengamalkan dasar tolak ansur antara satu sama lain<br>F8 Memelihara keamanan/ kestabilan politik<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki mengulas kepentingan semangat kerjasama antara kaum dalam memastikan keharmonian di negara kita.<br>[*Mana-mana jawapan munasabah*]<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 4 *markah*] |
| **3**(*a*) *Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 10–11* | F1 Keberkesanan pentadbiran<br>F2 Kebebasan negara menjalankan pentadbiran<br>F3 Tanpa campur tangan pihak luar<br>F4 Kemakmuran ekonomi<br>F5 Meningkatkan taraf hidup rakyat<br>F6 Kesejahteraan sosial<br>F7 Melahirkan generasi yang berilmu/ berkemahiran<br>F8 Kecemerlangan hubungan luar negara<br>F9 Hak untuk menjalinkan kerjasama dengan negara lain<br>F10 Menggubal dasar luar negara<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menyatakan sebab negara berdaulat perlu diwujudkan.<br>[*Mana-mana* 2 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 2 *markah*] |


© Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| **3**(*b*)(i)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 13* | F1 Pemerintah dan rakyat saling bekerjasama<br>F2 Pemerintah menggubal undang-undang/ dasar<br>F3 Memastikan keberkesanan pelaksanaan undang-undang/ dasar<br>F4 Merangka program/ kempen<br>F5 Memupuk integrasi nasional<br>F6 Memperuntukkan perbelanjaan<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan peranan pemerintah bagi langkah mempertahankan kedaulatan negara dengan mengekalkan perpaduan kaum.<br>[*Mana-mana* 2 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>[*Maksimum*: 2 *markah*] |
| **3**(*b*)(ii)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 13* | F1 Menggubal dasar/ undang-undang<br>F2 Melindungi keselamatan negara<br>F3 Mengadakan perjanjian pertahanan<br>F4 Mengadakan latihan ketenteraan<br>F5 Memodenkan aset ketenteraan<br>F6 Mengukuhkan pasukan pertahanan<br>F7 Memastikan pasukan/ aset ketenteraan siap siaga<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan peranan pemerintah bagi langkah mempertahankan kedaulatan negara dengan mengukuhkan pertahanan negara.<br>[*Mana-mana* 2 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>[*Maksimum*: 2 *markah*] |
| **3**(*c*)<br>*KBAT* | F1 Menghormati negara dan bangsa/ pemerintah/ raja<br>F2 Menumpahkan taat setia kepada negara/ raja<br>F3 Menjadi bangsa yang berjaya/ berilmu<br>F4 Sanggup berkorban mempertahankan negara dan bangsa<br>F5 Bersedia berjuang untuk negara<br>F6 Sentiasa mengekalkan keamanan negara<br>F7 Menjaga hubungan/ perpaduan antara kaum/ bertoleransi<br>F8 Membantu meningkatkan imej negara dalam bidang pendidikan/ ekonomi<br>F9 Menghargai perjuangan tokoh/ pemimpin<br>F10 Menyokong dasar/ program kerajaan<br>F11 Menghormati lambang negara<br>F12 Menyanjungi adat warisan bangsa<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan peranan rakyat dalam usaha mengekalkan kedaulatan negara berdasarkan lirik lagu yang diberikan. Calon juga boleh menambah jawapan mana-mana munasabah.<br>[*Mana-mana jawapan munasabah*]<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>[*Maksimum*: 4 *markah*] |
| **4**(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 174–175* | F1 Mencapai perpaduan negara melalui pengagihan kekayaan<br>F2 Pembangunan seimbang antara negeri<br>F3 Pembangunan seimbang antara bandar dengan luar bandar<br>F4 Dilaksanakan melalui Rancangan Malaysia Keenam/ Rancangan Malaysia Ketujuh<br>F5 Mewujudkan masyarakat bersatu padu<br>F6 Memperkukuh kestabilan sosial/ politik<br>F7 Mengekalkan pembangunan ekonomi yang berterusan<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menerangkan sebab pelaksanaan Dasar Pembangunan Nasional di negara kita.<br>[*Mana-mana* 2 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>[*Maksimum*: 2 *markah*] |
| **4**(*b*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 176–179* | **Bidang ekonomi**<br>F1 Pelibatan aktif pihak swasta dalam pembangunan ekonomi<br>F2 Melaksanakan program penanaman semula<br>F3 Penggunaan sains dan teknologi<br>F4 Meningkatkan pemilikan saham bumiputera | <br>1<br>1<br>1<br>1 |

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| | **Bidang sosial** | |
| | F5 Memberikan insentif serta kemudahan pendidikan untuk kemajuan masyarakat miskin tanpa mengira kaum | 1 |
| | F6 Mewujudkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera | 1 |
| | F7 Membentuk masyarakat yang berdisiplin dan progresif | 1 |
| | **Kemudahan fizikal dan alam sekitar** | |
| | F8 Menyediakan/ menambah baik kemudahan asas | 1 |
| | F9 Pembangunan mapan tanpa mengabaikan alam sekitar | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan strategi DPN. | |
| | [*Mana-mana* 4 × 1*m*] | [*Maksimum*: 4 *markah*] |
| **4**(*c*) *KBAT* | F1 Ekonomi berkembang maju | 1 |
| | F2 Pendapatan negara meningkat | 1 |
| | F3 Menarik kemasukan pelabur | 1 |
| | F4 Kestabilan politik negara terjamin | 1 |
| | F5 Pentadbiran negara berjalan lancar | 1 |
| | F6 Kesepakatan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum | 1 |
| | F7 Keamanan negara dikecapi | 1 |
| | F8 Dasar negara dapat dilaksanakan | 1 |
| | F9 Kedaulatan negara dikekalkan | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki membincangkan pelibatan golongan belia dalam pembangunan negara dapat memacu kemajuan masa depan. | |
| | [*Mana-mana jawapan munasabah*] [*Mana-mana* 4 × 1*m*] | [*Maksimum*: 4 *markah*] |

**Bahagian B**

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| **5**(*a*) *Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 58–59* | F1 Kemunculan Ideologi Baharu | 1 |
| | H1a Fasisme di Itali | 1 |
| | H1b Pimpinan Benito Mussolini/ parti Fasis | 1 |
| | H1c Berjaya menguasai kerajaan Itali | 1 |
| | H1d Keutamaan kepada kepentingan negara melebihi kepentingan individu | 1 |
| | H1e Percaya kepada nasionalisme melampau/ termasuk berperang bagi meningkatkan imej negara | 1 |
| | H1f Meluaskan tanah jajahan dengan menguasai Habsyah (Ethiopia)/ Albania | 1 |
| | H1g Nazisme di Jerman | 1 |
| | H1h Pimpinan Adolf Hitler/ parti Nazi | 1 |
| | H1i Membentuk kerajaan di Jerman | 1 |
| | H1j Mengagungkan bangsa Jerman | 1 |
| | H1k Memulihkan nasionalisme Jerman | 1 |
| | H1l Membina angkatan tentera | 1 |
| | H1m Menduduki Rhineland semula | 1 |
| | F2 Ketidakpuasan hati terhadap Perjanjian Versailles | 1 |
| | H2a Jerman menganggap Perjanjian Versailles tidak adil | 1 |
| | H2b Menjejaskan kedaulatan negaranya | 1 |
| | H2c Kehilangan tanah jajahan | 1 |
| | H2d Pampasan perang yang tinggi | 1 |
| | H2e Itali tidak puas hati terhadap Perjanjian Versailles | 1 |
| | H2f Tidak diberi tanah jajahan baharu | 1 |


© Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| | F3 Kegagalan Liga Bangsa-Bangsa | 1 |
| | H3a Gagal menguatkuasakan perjanjian pelucutan senjata | 1 |
| | H3b Gagal menangani krisis pencerobohan yang berlaku selepas Perang Dunia Pertama | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menerangkan faktor-faktor yang mencetuskan Perang Dunia Kedua di Eropah. | |
| | [*Mana-mana* 6 × 1*m*] | [*Maksimum*: 6 *markah*] |
| **5**(*b*)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 60* | F1 Penaklukan Jerman terhadap Eropah Barat | 1 |
| | H1a Jerman memulakan serangan Blitzkrieg/ serangan kilat | 1 |
| | H1b Mengebom sasaran musuh | 1 |
| | H1c Serangan kereta kebal/ tentera bermotosikal | 1 |
| | H1d Menakluk negara di Eropah | 1 |
| | H1e Menawan Poland/ Denmark/ Norway/ Belanda/ Belgium/ Luxembourg/ Perancis | 1 |
| | F2 Pengeboman Britain | 1 |
| | H2a Jerman melancarkan serangan udara/ laut terhadap Britain | 1 |
| | H2b Jerman menyerang dan memusnahkan pelabuhan/ kawasan | 1 |
| | H2c Perindustrian/ pertahanan udara Britain | 1 |
| | H2d Menjejaskan ekonomi Britain | 1 |
| | F3 Penyertaan Itali dalam Perang di Eropah | 1 |
| | H3a Mengisytiharkan perang terhadap Britain/ Perancis | 1 |
| | H3b Itali menyerang Perancis melalui arah selatan | 1 |
| | H3c Jerman menyerang Perancis dari arah utara | 1 |
| | F4 Serangan Jerman ke atas Rusia | 1 |
| | H4a Melancarkan Operasi Barbarossa/ serangan besar-besaran | 1 |
| | H4b Hitler mengarahkan lebih tiga juta tentera menyerang Rusia | 1 |
| | H4c Dibantu oleh 3350 kereta kebal dan 2270 kapal perang | 1 |
| | H4d Disertai oleh tentera Finland/ Hungry/ Romania | 1 |
| | H4e Menyasarkan bandar utama di Rusia | 1 |
| | H4f Leningrad/ Moscow/ Stalingrad | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan peristiwa Perang Dunia Kedua. | |
| | [*Mana-mana* 6 × 1*m*] | [*Maksimum*: 6 *markah*] |
| **5**(*c*)<br>*KBAT* | F1 Mengorbankan nyawa | 1 |
| | F2 Kemusnahan harta benda persendirian/ awam | 1 |
| | F3 Krisis makanan dan kesihatan | 1 |
| | F4 Peningkatan masalah sosial | 1 |
| | F5 Gejala depresi/ tekanan perasaan/ traumatisme | 1 |
| | F6 Penghijrahan penduduk ke luar negara | 1 |
| | F7 Menjejaskan ekonomi | 1 |
| | F8 Seperti perindustrian/ pertanian/ pelancongan | 1 |
| | F9 Berlaku inflasi/ pengangguran | 1 |
| | F10 Menjejaskan pembangunan negara | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menerangkan kesan peperangan terhadap sebuah negara. | |
| | [*Mana-mana jawapan munasabah*]<br>[*Mana-mana* 8 × 1*m*] | [*Maksimum*: 8 *markah*] |

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| **6**(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 220* | F1 Membincangkan/ menyusun/ merangka Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka | 1 |
| | F2 Memeriksa aturan perlembagaan yang wujud di seluruh Tanah Melayu | 1 |
| | F3 Mengambil kira kedudukan dan martabat Ratu England dan Raja-raja Melayu | 1 |
| | F4 Memberikan cadangan terhadap Perlembagaan Persekutuan sebagai unit tunggal/ bebas/ berkerajaan sendiri dalam lingkungan Komanwel | 1 |
| | F5 Berdasarkan Demokrasi Berparlimen dengan dua Dewan Perundangan | 1 |
| | F6 Mewujudkan kerajaan pusat yang kuat kerajaan negeri juga mempunyai autonomi tertentu | 1 |
| | F7 Melindungi kedudukan Raja-raja Melayu sebagai Raja Berperlembagaan di negeri masing-masing | 1 |
| | F8 Mencadangkan satu jawatan bagi ketua negara, iaitu Yang di-Pertuan Besar/ Yang di-Pertuan Agong untuk Persekutuan Tanah Melayu | 1 |
| | F9 Mengadakan satu bentuk kewarganegaraan bagi Persekutuan Tanah Melayu | 1 |
| | F10 Menjaga kedudukan istimewa orang Melayu/ kepentingan sah kaum lain | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan peranan Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu. | |
| | [*Mana-mana* 4 × 1*m*] | [*Maksimum*: 4 *markah*] |
| **6**(*b*)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 222–223* | F1 Sebanyak 131 memorandum bertulis diterima daripada pihak Raja-raja Melayu/ parti politik/ badan awam/ orang perseorangan untuk dipertimbangkan | 1 |
| | F2 Memorandum ini berkaitan dengan corak pentadbiran/ kewarganegaraan/ kedudukan istimewa orang Melayu/ bahasa/ pendidikan | 1 |
| | F3 Raja-raja Melayu mencadangkan Persekutuan yang merdeka mempunyai seorang ketua negara yang dikenali sebagai Yang di-Pertuan Agong | 1 |
| | F4 Yang di-Pertuan Agong harus dipilih oleh Raja-raja Melayu berdasarkan kekananan | 1 |
| | F5 Tempoh jawatan yang dicadangkan sebagai Yang di-Pertuan Agong ialah lima tahun | 1 |
| | F6 Yang di-Pertuan Agong boleh meletakkan jawatan dengan persetujuan Majlis Raja-Raja | 1 |
| | F7 Raja-raja Melayu melindungi kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan sah kaum lain | 1 |
| | F8 Parti Perikatan telah menyuarakan cadangan melalui memorandum yang dinamakan Testament Amanah Politik Perikatan | 1 |
| | F9 Semasa menyediakan memorandum ini, terdapat perbezaan pandangan tentang isu *jus soli* dalam Parti Perikatan | 1 |
| | F10 Terdapat beberapa pihak dalam UMNO yang menolak pemberian kewarganegaraan *jus soli* | 1 |
| | F11 Dewan Perniagaan Melayu memohon mengetatkan soal kewarganegaraan | 1 |
| | F12 Persatuan Dewan Perniagaan Cina se-Malaya menggesa suruhanjaya membuat peruntukan bagi kewarganegaraan menerusi kelahiran | 1 |
| | F13 Masyarakat India menuntut kedudukan kewarganegaraan mereka diteliti | 1 |
| | F14 Masyarakat Serani mahu hak mereka dipertahankan | 1 |
| | F15 Memorandum daripada MCA menuntut supaya semua sekolah yang ada daripada aliran bahasa Inggeris atau vernakular perlu diteruskan | 1 |
| | F16 Memorandum juga mencadangkan supaya semua sekolah kebangsaan mempelajari bahasa Inggeris/ Melayu/ Cina/ Tamil | 1 |
| | F17 Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu telah mengeluarkan draf perlembagaan | 1 |
| | F18 Meneruskan sistem Kerajaan Persekutuan dengan negeri mempunyai kuasa tertentu | 1 |
| | F19 Sistem kewarganegaraan berasaskan *jus soli* kepada semua yang lahir di Tanah Melayu | 1 |
| | F20 Kedudukan istimewa orang Melayu diteruskan | 1 |



© Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| | F21 Raja-raja diterima dengan konsep Raja Berperlembagaan dengan seorang Yang di-Pertuan Agong dipilih bagi Persekutuan Tanah Melayu | 1 |
| | F22 Sebuah parlimen dengan dua Majlis Mesyuarat, iaitu Dewan Negara dan Dewan Rakyat dibentuk | 1 |
| | F23 Pelbagai reaksi terhadap draf Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu | 1 |
| | F24 Ahli UMNO yang tidak bersetuju dengan konsep *jus soli* | 1 |
| | F25 Kerana bimbang kedudukan istimewa orang Melayu akan tergugat | 1 |
| | F26 Agama Islam mestilah diakui sebagai agama rasmi | 1 |
| | F27 Bahasa Melayu dijadikan sebagai bahasa rasmi | 1 |
| | F28 Dato' Onn Jaafar dari Parti Negara menolak syarat kewarganegaraan yang longgar | 1 |
| | F29 Parti Negara/ PAS/ Parti Rakyat mengadakan kongres pada 4 Mei 1957 hingga 7 Mei 1957 untuk membincangkan draf perlembagaan ini | 1 |
| | F30 Parti PAS pula mengkritik soal kewarganegaraan yang dianggap tidak menjaga kepentingan orang Melayu/ mahu kedudukan agama Islam menjadi asas pemerintahan negara | 1 |
| | F31 Menuntut bahasa Melayu dijadikan bahasa rasmi | 1 |
| | F32 Sebahagian daripada pertubuhan masyarakat Cina ingin menjadikan bahasa Mandarin sebagai bahasa kebangsaan | 1 |
| | F33 MIC mahukan syarat kewarganegaraan/ penggunaan bahasa Tamil diberikan perhatian | 1 |
| | F34 Pada 9 Mei 1957, Tunku Abdul Rahman/ Dato' Abdul Razak Hussein/ Ong Yoke Lin/ V.T. Sambanthan berlepas sekali lagi ke London untuk berbincang dengan kerajaan British tentang isu kewarganegaraan dan beberapa isu yang belum muktamad | 1 |
| | F35 Beberapa perubahan/ pindaan dibuat pada draf perlembagaan | 1 |
| | F36 Hasil pindaan disembah perkenan/ dibincangkan dalam Majlis Raja-Raja | 1 |
| | F37 Draf ini kemudiannya dibawa ke Majlis Perundangan Persekutuan untuk dibentangkan/ dibahaskan pada 10 Julai 1957 hingga 11 Julai 1957 | 1 |
| | F38 Draf Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu akhirnya diluluskan oleh Parlimen British di London kemudiannya diluluskan oleh Majlis Perundangan Persekutuan pada 27 Ogos 1957 | 1 |
| | F39 Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 berkuat kuasa secara rasminya pada 31 Ogos 1957 | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menghuraikan langkah penggubalan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka. | |
| | [*Mana-mana* 8 × 1*m*] | [*Maksimum*: 8 *markah*] |
| 6(*c*) KBAT | **Maklumat** | |
| | F1 Perlembagaan terhasil daripada idea Raja-raja Melayu/ pemimpin/ persatuan | 1 |
| | F2 Idea yang dihasilkan terdiri daripada pelbagai kaum | 1 |
| | F3 Permuafakatan politik/ kontrak sosial antara pemimpin pelbagai kaum mewujudkan perpaduan | 1 |
| | F4 Generasi muda perlu mencontohi nilai kerjasama/ tolak ansur | 1 |
| | F5 Perlembagaan Persekutuan mempertahankan kepentingan penduduk asal | 1 |
| | F6 Kepentingan sah kaum lain turut dipertahankan | 1 |
| | **Kesan** | |
| | F7 Negara tidak aman | 1 |
| | F8 Berlaku pergaduhan dalam masyarakat/ pemimpin | 1 |
| | F9 Seperti rusuhan kaum | 1 |
| | F10 Kedaulatan negara tergugat | 1 |
| | F11 Perpaduan rakyat akan terjejas | 1 |
| | F12 Keselamatan rakyat terabai | 1 |
| | F13 Negara akan mundur | 1 |

© Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut dan memberikan kesan sekiranya tiada permuafakatan dalam negara kita. Calon boleh memberikan sekurang-kurangnya empat maklumat daripada teks dan empat kesan. Calon digalakkan untuk mengolah/ mengubah sedikit ayat daripada teks (tidak menyalin bulat-bulat).<br>[*Mana-mana jawapan munasabah*]<br>[*Mana-mana* 8 × 1*m*] | [*Maksimum*: 8 *markah*] |
| **7**(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 66–67* | F1 Penyatuan beberapa buah negeri membentuk sebuah negara bersekutu<br>F2 Pada tahun 1963 penggabungan 11 negeri Tanah Melayu, Singapura, Sabah dan Sarawak<br>F3 Persekutuan dinamakan Malaysia<br>F4 Wujudnya Kerajaan Persekutuan (Kerajaan Pusat) dan Kerajaan Negeri<br>F5 Pembahagian kuasa dalam sistem pentadbiran<br>F6 Kerajaan Persekutuan diketuai oleh Yang di-Pertuan Agong<br>F7 Sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen diwujudkan dalam pentadbiran negara<br>F8 Perlembagaan Persekutuan digubal untuk melicinkan pentadbiran negara<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan konsep sistem Persekutuan di negara kita.<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 4 *markah*] |
| **7**(*b*)(i)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 70–71* | F1 Dewan Undangan Negeri (DUN) berkuasa menggubal undang-undang peringkat negeri<br>F2 Kerajaan Negeri diketuai Sultan/ Yang Dipertua Negeri<br>F3 Kuasa pemerintahan Kerajaan Negeri termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan sebagai Senarai Negeri<br>F4 Kerajaan Negeri berkuasa dalam Undang-Undang Islam<br>F5 Pentadbiran Tanah<br>F6 Pertanian dan Perhutanan<br>F7 Kerajaan Tempatan<br>F8 Hari kelepasan negeri<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menerangkan peranan Pentadbiran Kerajaan Negeri.<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 4 *markah*] |
| **7**(*b*)(ii)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 69* | F1 Parlimen berkuasa menggubal undang-undang pada peringkat Persekutuan<br>F2 Kerajaan Persekutuan diketuai oleh Yang di-Pertuan Agong<br>F3 Kuasa Kerajaan Persekutuan termaktub dalam Senarai Persekutuan<br>F4 Kuasa meliputi skop kepentingan nasional<br>F5 Merangkumi semua aspek perkhidmatan berhubung dengan pentadbiran negara<br>F6 Hal ehwal luar negeri<br>F7 Pertahanan<br>F8 Keselamatan dalam negeri<br>F9 Pentadbiran keadilan<br>F10 Kewarganegaraan<br>F11 Kewangan<br>F12 Perhubungan dan pengangkutan<br>F13 Pelajaran<br>F14 Perubatan dan kesihatan<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menerangkan peranan Pentadbiran Kerajaan Pusat.<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 4 *markah*] |
| **7**(*c*)<br>*KBAT* | F1 Kejayaan pemulihan ekonomi negara disebabkan kerjasama Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri<br>F2 Kerjasama ini akan meningkatkan kestabilan politik negara<br>F3 Kerjasama ini akan mewujudkan kesejahteraan sosial dalam kalangan rakyat<br>F4 Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri bergading bahu menyalurkan bantuan dalam menangani wabak COVID-19<br>F5 Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri berusaha membasmi kemiskinan dalam kalangan penduduk | 1<br>1<br>1<br>1<br>1 |


© Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| | F6 Isu jurang pendapatan dalam kalangan penduduk perlu ditangani oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri | 1 |
| | F7 Kerajaan menyediakan bantuan dalam bentuk kewangan untuk membantu rakyat pelbagai kaum | 1 |
| | F8 Kerajaan Persekutuan juga menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut. Calon boleh memberikan sekurang-kurangnya lapan maklumat daripada teks. Calon digalakkan untuk mengolah/ mengubah sedikit ayat daripada teks (tidak menyalin bulat-bulat). | |
| | [*Mana-mana jawapan munasabah*]<br>[*Mana-mana* 8 × 1*m*] | [*Maksimum*: 8 *markah*] |
| **8**(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 98–102* | F1 Siri lawatan | 1 |
| | H1a Lawatan Tunku Abdul Rahman ke Sarawak dan Brunei pada Julai 1961 | 1 |
| | H1b Lawatan pemimpin Sarawak dan Sabah ke PTM pada Ogos 1962 | 1 |
| | H1c November 1962, lawatan Tunku Abdul Rahman ke Sarawak dan Sabah | 1 |
| | H1d Terdapat kesepakatan ahli politik PTM untuk menjelaskan gambaran rancangan Malaysia kepada penduduk Sarawak dan Sabah | 1 |
| | F2 Jawatankuasa Setia Kawan Malaysia (JKSM) | 1 |
| | H2a Bermesyuarat sebanyak empat kali, iaitu di Jesselton, Kuching, Kuala Lumpur dan Singapura | 1 |
| | H2b Meyakinkan penduduk Sarawak dan Sabah tentang pembentukan Malaysia/ ruang perbincangan bagi mendapatkan kata sepakat/ mengumpulkan pandangan/ menyebarkan maklumat/ memupuk aktiviti penghebahan yang mempercepatkan pembentukan Malaysia | 1 |
| | H2c Memainkan peranan penting dalam memberi kefahaman kepada pemimpin tempatan/ mendapatkan sokongan terhadap pembentukan Malaysia | 1 |
| | F3 Referendum Singapura | 1 |
| | H3a Diadakan pada awal September 1962 di Singapura | 1 |
| | H3b Menyatakan bentuk pilihan Singapura menyertai Malaysia | 1 |
| | H3c Rakyat Singapura bersetuju untuk bergabung membentuk Malaysia | 1 |
| | F4 Rundingan London | 1 |
| | H4a Rundingan antara kerajaan PTM dan kerajaan British pada November 1961 | 1 |
| | H4b Penubuhan suruhanjaya bagi meninjau reaksi penduduk Sarawak dan Sabah | 1 |
| | F5 Suruhanjaya Cobbold (Januari 1962) | 1 |
| | H5a Meninjau pendapat penduduk Sarawak dan Sabah | 1 |
| | F6 Pembentukan Jawatankuasa Antara Kerajaan (JAK) pada Ogos 1962 | 1 |
| | H6a Menyediakan rangka perlembagaan | 1 |
| | H6b Membentuk keperluan melindungi kepentingan Sarawak dan Sabah | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menghuraikan langkah pembentukan Malaysia. | |
| | [*Mana-mana* 8 × 1*m*] | [*Maksimum*: 8 *markah*] |
| **8**(*b*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 103* | FI Tarikh pembentukan Malaysia adalah pada 31 Ogos 1963 | 1 |
| | F2 Sarawak, Sabah dan Singapura akan menjadi ahli dalam Persekutuan Malaysia bersama-sama Persekutuan Tanah Melayu | 1 |
| | F3 Kedaulatan Sarawak, Sabah dan Singapura dalam Malaysia diiktiraf oleh kerajaan British | 1 |
| | F4 Sarawak dan Sabah diberi kelebihan menubuhkan kabinet negeri | 1 |
| | F5 Memperuntukkan tempoh peralihan kepada Sarawak dan Sabah seperti pentadbiran dan pendidikan | 1 |
| | F6 Peruntukan kerusi Parlimen kepada Singapura sebanyak 15 kerusi, Sarawak 24 kerusi dan Sabah sebanyak 16 kerusi | 1 |
| | F7 Penduduk bumiputera di Sarawak dan Sabah mendapat pengiktirafan sama seperti orang Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menyenaraikan inti pati Perjanjian Malaysia. | |
| | [*Mana-mana* 4 × 1*m*] | [*Maksimum*: 4 *markah*] |

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| **8**(*c*)<br>*KBAT* | F1 Mempercepatkan kemerdekaan Sabah, Sarawak dan Singapura | 1 |
| | F2 Pembangunan lebih pantas | 1 |
| | F3 Mengatasi ancaman komunis | 1 |
| | F4 Mengukuhkan pertahanan negara | 1 |
| | F5 Keluasan negara bertambah | 1 |
| | F6 Pasaran negara bertambah | 1 |
| | F7 Memajukan wilayah yang mundur | 1 |
| | F8 Meningkatkan kemudahan dan prasarana | 1 |
| | F9 Mewujudkan negara baharu yang harmoni | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki membuktikan bahawa tindakan bijak Tunku Abdul Rahman membentuk Malaysia telah membawa kebaikan kepada rakyat. | |
| | [*Mana-mana jawapan munasabah*]<br>[*Mana-mana* 8 × 1*m*] | [*Maksimum*: 8 *markah*] |
| **9**(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 208* | F1 Cabaran politik antarabangsa | 1 |
| | F2 Mengamalkan dasar berkecuali dengan negara luar | 1 |
| | F3 Tanpa mengira ideologi | 1 |
| | F4 Menjalinkan hubungan dengan negara China | 1 |
| | F5 Melalui lawatan oleh Tun Abdul Razak Hussein | 1 |
| | F6 Cabaran politik serantau | 1 |
| | F7 Peluasan komunis di Indochina menyebabkan rantau Asia Tenggara tidak stabil | 1 |
| | F8 Berlaku kebanjiran pendatang asing Vietnam di Asia Tenggara | 1 |
| | F9 Malaysia turut terkesan dengan perkembangan tersebut | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan cabaran politik dalam mengukuhkan dasar luar Malaysia. | |
| | [*Mana-mana* 4 × 1*m*] | [*Maksimum*: 4 *markah*] |
| **9**(*b*)(i)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 210–211* | F1 Mengisytiharkan Zon Aman, Bebas dan Berkecuali/ ZOPFAN | 1 |
| | H1a Menjalinkan hubungan dengan China | 1 |
| | H1b Menjadikan ASEAN sebagai platform terpenting untuk mengisytiharkan perubahan dasar luar negara pada peringkat serantau/ global | 1 |
| | H1c Mendapatkan pengiktirafan daripada kuasa besar | 1 |
| | C1c Amerika Syarikat/ Rusia/ China | 1 |
| | F2 Penyelesaian konflik serantau | 1 |
| | H2a Malaysia terlibat menyelesaikan konflik politik yang berlaku di Indochina | 1 |
| | C2a Ancaman komunis/ pelarian di Vietnam/ Kemboja | 1 |
| | H2b Menyeru kuasa besar tidak campur tangan dalam isu di Vietnam | 1 |
| | H2c Menyelesaikan isu di Kemboja melalui pilihan raya pada tahun 1993 | 1 |
| | H2d Menghantar pasukan pengaman di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)/ Misi UNTAC | 1 |
| | F3 Kerjasama ekonomi | 1 |
| | H3a Memulakan Projek Industri ASEAN (AIP) pada tahun 1978 | 1 |
| | H3b Berjaya menghasilkan pengeluaran baja urea di Indonesia (1984)/ Malaysia (1986) | 1 |
| | H3c Mengeluarkan baja fosfat/ kuprum di Filipina | 1 |
| | H3d Menghasilkan serbuk soda di Thailand | 1 |
| | H3e Mempromosikan/ menyokong konsep integrasi ekonomi ASEAN | 1 |
| | H3f Mewujudkan satu pasaran tunggal ASEAN yang bebas | 1 |
| | H3g Penggunaan mata wang ASEAN | 1 |
| | H3h Meningkatkan perdagangan antara negara ASEAN/ Skim Keutamaan Perdagangan (SKP) | 1 |
| | H3i Menawarkan pemotongan cukai ke atas pelbagai jenis produk keluaran negara anggota ASEAN | 1 |
| | F4 Kerjasama sosial | 1 |
| | H4a Melalui penubuhan Pertubuhan Menteri-Menteri Pendidikan Asia Tenggara/ SEAMEO | 1 |
| | C4a Pusat Serantau Pendidikan untuk Sains dan Matematik/ RECSAM di Pulau Pinang | 1 |
| | H4b Kerjasama dalam semua bidang yang berkaitan pendidikan/ pertukaran pelajar/ penubuhan pusat serantau pendidikan | 1 |
| | C4b Mengadakan festival kebudayaan/ kesenian | 1 |


© Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| | H4c Kerjasama dalam bidang kebudayaan | 1 |
| | H4d Penubuhan Tabung Kebudayaan ASEAN | 1 |
| | H4e Melaksanakan Sukan SEA | 1 |
| | H4f Menjalinkan kerjasama dalam sukan | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menghuraikan peranan Malaysia dalam Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN). | |
| | [*Mana-mana jawapan munasabah*]<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | [*Maksimum*: 4 *markah*] |
| **9**(*b*)(ii)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 212–213* | F1 Tuan rumah Sidang Kemuncak dan Pengerusi | 1 |
| | H1a Menjadi tuan rumah Sidang Kemuncak NAM kali ke-13 | 1 |
| | H1b Deklarasi Kuala Lumpur menyatakan sikap NAM terhadap isu Palestin/ serangan Amerika Syarikat ke atas Iraq | 1 |
| | H1c Dianggap satu pencerobohan kuasa besar terhadap negara kecil | 1 |
| | H1d Membuktikan kemampuan Malaysia dalam mengendalikan persidangan bertaraf dunia | 1 |
| | H1e Menjadi Pengerusi NAM dari tahun 2003 hingga tahun 2006 | 1 |
| | H1f Dilaksanakan oleh Tun Abdullah Ahmad Badawi yang menjadi Perdana Menteri ketika itu | 1 |
| | H1g Menjulang nama Malaysia dalam kalangan negara anggota | 1 |
| | H1h Berusaha meningkatkan tahap kemajuan/ pembangunan anggota NAM | 1 |
| | H1i Bekerjasama agar menjadi organisasi yang dihormati | 1 |
| | F2 Peranan dalam politik | 1 |
| | H2a Menyuarakan isu pencerobohan terhadap hak asasi manusia/ negara lain | 1 |
| | H2b Menjadikan NAM sebagai platform menyuarakan sikap Malaysia terhadap isu Aparteid | 1 |
| | H2c Bersetuju agar tekanan politik/ ekonomi dikenakan kepada Afrika Selatan | 1 |
| | H2d Membangkitkan isu Bosnia/ Herzegovina | 1 |
| | H2e Sedang ditekan oleh Serbia | 1 |
| | H2f Menggantung keahlian Yugoslavia | 1 |
| | H2g Menerima sejumlah pelarian Bosnia/ Herzegovina | 1 |
| | F3 Dasar keamanan dan berkecuali | 1 |
| | H3a Meminta agar rantau Asia Tenggara diterima sebagai sebuah kawasan berkecuali | 1 |
| | H3b Negara kuasa besar perlu mengaku/ tidak campur tangan/ memberikan tekanan | 1 |
| | C3b Seperti China/ Rusia/ Amerika Syarikat | 1 |
| | H3d Menandatangani Perisytiharan Lusaka | 1 |
| | H3e Mendesak pengharaman penggunaan senjata nuklear | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menghuraikan peranan Malaysia dalam Pergerakan Negara-negara Tanpa Pihak (NAM). | |
| | [*Mana-mana* 4 × 1*m*] | [*Maksimum*: 4 *markah*] |
| **9**(*c*)<br>*KBAT* | F1 Mewujudkan hubungan dagangan | 1 |
| | H1a Membolehkan Malaysia mempromosikan produk ke luar negara | 1 |
| | H1b Mempercepatkan pertumbuhan/ perkembangan ekonomi | 1 |
| | H1c Mewujudkan kerjasama untuk meningkatkan tahap pendidikan/ kesihatan | 1 |
| | H1d Menggalakkan pertukaran teknologi/ perkongsian maklumat | 1 |
| | F2 Mengeratkan kerjasama/ hubungan baik dengan negara luar | 1 |
| | H2a Melindungi kepentingan rakyat Malaysia semasa berada di negara luar | 1 |
| | C2a Seperti berlakunya bencana/ wabak COVID-19 | 1 |
| | H2b Hubungan dengan negara lain akan menjadi erat | 1 |
| | H2c Mengekalkan keamanan negara | 1 |
| | F3 Menjamin kedaulatan negara | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki membuktikan pelibatan Malaysia secara aktif dalam pertubuhan serantau telah memberi manfaat kepada negara. | |
| | [*Mana-mana jawapan munasabah*]<br>[*Mana-mana* 8 × 1*m*] | [*Maksimum*: 8 *markah*] |

# KERTAS MODEL SPM SET 2

## KERTAS 1

1 **C**
**Ulasan**: Ciri-ciri negara bangsa kerajaan Alam Melayu ialah raja yang menjadi tonggak utama kerajaan mempunyai undang-undang bagi memastikan kesejahteraan kerajaan, wilayah pengaruh, iaitu kawasan yang rakyatnya memperakui pemerintahan raja dan rakyat, iaitu penduduk sesebuah wilayah yang setia kepada raja.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 4*

2 **D**
**Ulasan**: Tugas Temenggung dalam kerajaan Kesultanan Melayu Melaka ialah menjaga keselamatan kota Melaka.

*Rujukan Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 9*

3 **B**
**Ulasan**: Revolusi Amerika (1766) berlaku disebabkan penentangan penjajahan British. Hal ini disebabkan British tidak melindungi hak penduduk Amerika. Terdapat 13 buah tanah jajahan British di Amerika. Penduduk Amerika menentang Akta Pelayaran, Akta Gula, Akta Setem dan Akta Teh yang mengenakan cukai di tanah jajahan tersebut. Mereka menggunakan slogan "tiada cukai tanpa perwakilan" kerana tiada wakil Amerika dalam Parlimen. Kongres yang diketuai George Washington mengisytiharkan perang terhadap British demi kemerdekaan.

*Rujukan Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 25*

4 **C**
**Ulasan**: Zainal Abidin Ahmad atau Za'ba merupakan seorang tokoh nasionalisme yang berjuang menerusi penulisan kreatif dan akhbar.

*Rujukan Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 33*

5 **A**
**Ulasan**: Operasi Barbarossa untuk menawan Rusia gagal kerana tempoh perang yang panjang menyebabkan Jerman kehabisan peluru, minyak dan makanan yang akhirnya melemahkan tentera Jerman.

*Rujukan Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 62*

6 **B**
**Ulasan**: Anggota Force 136 telah mendapat latihan di India dan Sri Lanka. Mereka kemudian dihantar ke Tanah Melayu melalui kapal selam atau diturunkan melalui payung terjun dari kapal terbang bertujuan mendapatkan sokongan orang Melayu serta menubuhkan pasukan gerila anti-Jepun. Anggota terawal Force 136 Tanah Melayu antaranya termasuklah Mejar Tengku Mahmood Mahyiddeen, Leftenan Tunku Yusuf Tunku Yaakub, Kapten Ibrahim Ismail dan Leftenan Tengku Osman Tengku Mohd Jiwa.

*Rujukan Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 76*

7 **D**
**Ulasan**: Persidangan Raja-raja Melayu di Istana Iskandariah, Kuala Kangsar, pada bulan April 1946 memutuskan untuk mengemukakan bantahan melalui Mahkamah Tinggi di England. Menurut sistem perundangan British, MacMichael mendapatkan persetujuan daripada Raja-raja Melayu dengan cara tidak sah.

*Rujukan Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 100*

8 **B**
**Ulasan**: Kegiatan berpersatuan di Sabah menjadi lemah kerana British bertindak dengan menawarkan jawatan kenaikan pangkat kepada ahli persatuan. Selain itu British memindahkan pemimpin dan ahli yang aktif ke bandar lain. Kegiatan berpersatuan semakin lemah apabila mengalami masalah kewangan dan kekurangan pemimpin.

*Rujukan Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 116*

9 **A**
**Ulasan**: PUTERA-AMCJA menganjurkan hartal pada 20 September 1947 yang meminta semua peniaga menutup kedai sebagai tanda bantahan British menolak Perlembagaan Rakyat dan menerima Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu yang digubal Jawatankuasa Kerja. Tarikh 20 Oktober 1947 merupakan tarikh yang dipilih untuk Hari Hartal Se-Malaya. Menerusi sokongan Dewan Perniagaan Cina, hartal dilaksanakan di bandar utama di Tanah Melayu. Hartal ialah tindakan menutup kedai dan memberhentikan semua kegiatan ekonomi oleh peniaga.

*Rujukan Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 131*

10 **C**
**Ulasan**: Tanggungjawab sultan di peringkat negeri dalam Persekutuan Tanah Melayu 1948 ialah sultan bertanggungjawab mengesahkan rang undang-undang yang diluluskan dalam Dewan Perundangan Negeri.

*Rujukan Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 134*


© Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

11 **D**

**Ulasan**: PKM menyasarkan pasukan keselamatan dan menyerang balai polis bertujuan untuk mencetuskan keadaan huru-hara dan menunjukkan kerajaan tidak berupaya melindungi keselamatan penduduk.

*Rujukan Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 150*

12 **C**

**Ulasan**: Penempatan semula Kampung Baru didominasi oleh kaum tertentu. Kaum Cina dikumpulkan di petempatan yang sama, manakala kaum lain di petempatan lain. Kawalan keselamatan yang ketat menyebabkan hubungan dengan kaum lain terbatas. Ia tidak memberi ruang kepada penduduk Kampung Baru untuk bersosial dengan kaum lain. Pengasingan ini menyebabkan hubungan antara kaum semakin renggang.

*Rujukan Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 163*

13 **B**

**Ulasan**: Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum atau Communities Liaison Committee (CLC) ditubuhkan di Tanah Melayu pada Januari 1949 bertujuan untuk mengkaji hubungan kaum secara mendalam, membetulkan keadaan politik, ekonomi dan sosial agar wujud pembahagian yang adil untuk semua komuniti serta mewujudkan keadaan harmoni dan muhibah dalam kalangan penduduk negara ini. Ini dapat membentuk dan memupuk perpaduan kaum.

*Rujukan Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 174*

14 **D**

**Ulasan**: Antara cadangan Laporan Woodhead ialah memperkasakan pendidikan peringkat rendah dan menengah, iaitu menitikberatkan kepentingan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar dan mewujudkan sistem pembiayaan pendidikan yang teratur.

*Rujukan Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 182*

15 **B**

**Ulasan**: Pilihan Raya Majlis Perbandaran George Town (1951) merupakan pilihan raya majlis perbandaran pertama. Tujuannya memilih sembilan orang ahli Pesuruhjaya Perbandaran George Town. Ahli dalam Majlis Perbandaran dilantik oleh Gabenor Negeri-negeri Selat dipilih sebelum pilihan raya diadakan.

*Rujukan Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 197*

16 **C**

**Ulasan**: Kesan Penubuhan Majlis Perundangan Persekutuan ialah, kerajaan diketuai oleh Tunku Abdul Rahman (Ketua Menteri) dan mengambil alih tugas pentadbiran Tanah Melayu daripada Pesuruhjaya Tinggi British. Pesuruhjaya Tinggi British masih memegang tampuk kepimpinan peringkat atasan yang menentukan hala tuju negara. Kuasa pegawai British dipindahkan kepada rakyat tempatan secara beransur-ansur. Tetapi, masih ada pegawai British yang berperanan sebagai penyelia atau penasihat bidang keselamatan. Susulan itu Sistem Ahli dimansuhkan.

*Rujukan Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 204*

17 **C**

**Ulasan**: Peranan Suruhanjaya Reid termasuklah membincangkan, menyusun dan merangka Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.

*Rujukan Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 220*

18 **A**

**Ulasan**: Perjanjian Persekutuan menjaga kedudukan istimewa orang Melayu. Semua rakyat PTM ada hak serta kewajipan yang sama tetapi rakyat keturunan Melayu diberikan beberapa keutamaan dengan mengambil kira status mereka sebagai rakyat asal Tanah Melayu. Hak masyarakat lain tetap dipelihara dan dilindungi. Termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan 1957 (Perkara 153).

*Rujukan Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 225*

19 **A**

**Ulasan**: Kerajaan menganjurkan kursus khas berkaitan protokol yang diikuti seramai 300 orang pegawai kerajaan. Kursus diadakan selama tiga hari. Bertindak sebagai pegawai penerangan, pegawai pengiring tetamu dan pegawai jemputan luar negara.

*Rujukan Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 237*

20 **D**

**Ulasan**: Rancangan Buku Merah dilancarkan pada 25 Januari 1961. Ia berkaitan pembangunan kemudahan asas seperti jalan kampung, jambatan, surau, bekalan air dan bekalan elektrik. Pemantauan dan maklum balas diletakkan di dalam Bilik Gerakan Kemajuan Negara pada peringkat daerah, negeri dan pusat.

*Rujukan Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 244*

© Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

**21 C**

**Ulasan:** Kedaulatan ditakrifkan sebagai kekuasaan tertinggi dan kewibawaan sesebuah negara yang bebas serta mempunyai hak untuk melaksanakan pemerintahan dan pentadbiran negara. Kedaulatan negara kita dapat dilihat dengan lebih jelas sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka. Kemerdekaan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957 dan pembentukan Malaysia pada 16 September 1963 pula mengukuhkan serta memantapkan negara bangsa kita yang bebas dan berdaulat.

*Rujukan Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 4*

**22 D**

**Ulasan:** Kedaulatan penting bagi memberikan hak kepada negara untuk menjalinkan hubungan dengan negara lain. Hubungan ini dibentuk melalui penggubalan dasar luar negara kita. Selain dapat menjalinkan hubungan diplomatik dan persahabatan dengan negara lain, negara juga dapat mengadakan perjanjian dan kerjasama dalam pelbagai bidang. Kesannya, Malaysia menikmati pelbagai faedah dan kelebihan dalam usaha mempertahankan kedaulatan. Keanggotaan Malaysia dalam pertubuhan serantau dan antarabangsa pula meningkatkan imej negara. Masyarakat antarabangsa mengakui peranan dan kebolehan negara kita setaraf dengan negara lain di dunia.

*Rujukan Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 11*

**23 B**

**Ulasan:** Majlis Negeri Perak dipengerusikan Raja Muda Yusuf. Majlis ini berperanan untuk menggubal undang-undang bagi negeri Perak.

*Rujukan Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 25*

**24 A**

**Ulasan:** Perlembagaan Tanah Melayu 1957 menjadi asas kepada Perlembagaan Persekutuan Malaysia 1963. Hal ini berlaku apabila terjadi penggabungan Persekutuan Tanah Melayu, Sarawak, Sabah dan Singapura. Pindaan perlembagaan yang dilakukan bertujuan menyesuaikan peruntukan negeri baharu ke dalam perlembagaan tanpa mengubah kedudukan negeri yang sedia ada. Terdapat beberapa pindaan perlembagaan yang utama dilakukan pada tahun 1963 dan 1965 melibatkan struktur Mahkamah Atasan dan pemisahan Singapura.

*Rujukan Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 30*

**25 B**

**Ulasan:** Kebebasan asasi yang diperuntukkan dalam perlembagaan tidak bersifat mutlak, tetapi tertakluk pada sekatan yang ditentukan oleh undang-undang yang digubal oleh Parlimen Malaysia. Sekatan tersebut bertujuan memastikan ketenteraman dan kesejahteraan awam terjamin dalam masyarakat yang demokratik.

*Rujukan Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 51*

**26 B**

**Ulasan:** Kerajaan Negeri Sarawak dan Sabah diberi kuasa tambahan bagi menyesuaikan kemasukan negeri berkenaan ke dalam Persekutuan Malaysia. Antara tambahan kepada Senarai Bersama bagi Sarawak dan Sabah termasuklah undang-undang diri berhubung dengan perkahwinan, penceraian, penjagaan anak, nafkah dan sebagainya berkaitan dengan undang-undang keluarga, penyelidikan pertanian dan perhutanan, pengawalan makhluk perosak dan pencegahan penyakit tumbuhan dan pilihan raya bagi Dewan Negeri. Antara tambahan kepada Senarai Negeri bagi Sarawak dan Sabah termasuklah undang-undang dan adat anak negeri, Mahkamah Anak Negeri dan kereta api di Sabah. Di bawah Akta Imigresen 1963, Kerajaan Negeri Sarawak dan Sabah diberi kuasa untuk mengekalkan kuasa kawalan, kemasukan dan kediaman di negeri-negeri berkenaan.

*Rujukan Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 70*

**27 B**

**Ulasan:** Pembahagian kuasa pemerintahan antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri mewujudkan kerjasama untuk mencapai kemajuan dalam pelbagai bidang. Kerjasama antara kerajaan ini mewujudkan kerjasama yang erat bagi kedua-dua pemerintahan.

*Rujukan Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 81*

**28 A**

**Ulasan:** Pembangunan Koridor Wilayah merupakan perancangan strategik jangka panjang. Ia memberikan tumpuan kepada pembangunan di negeri dan wilayah yang kurang pesat untuk mewujudkan keseimbangan pembangunan negeri dan wilayah.

*Rujukan Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 73*

**29 D**

**Ulasan:** Kepentingan siri lawatan dalam langkah pembentukan Malaysia adalah menunjukkan kesepakatan dalam merealisasikan pembentukan Malaysia antara wilayah-wilayah yang terlibat.

*Rujukan Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 98*


© Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

**30** **A**

**Ulasan:** Peralihan kepimpinan di Indonesia pada 30 September 1965 menamatkan konfrontasi Indonesia dan Malaysia. Jeneral Suharto melantik Jeneral Ali Moertopo dan Adam Malik untuk berunding menamatkan konfrontasi. Kerajaan Indonesia mengumumkan penamatan konfrontasi pada 4 Ogos 1966.

*Rujukan Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 109*

**31** **C**

**Ulasan:** Antara cabaran dalaman Malaysia ialah cabaran pembangunan dan sosioekonomi di Sarawak dan Sabah seperti mempelbagaikan kegiatan ekonomi, memajukan sistem perhubungan dan pengangkutan, dan memajukan sistem pendidikan, cabaran politik Sarawak dan cabaran perpaduan kaum.

*Rujukan Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 118*

**32** **A**

**Ulasan:** Beberapa operasi ketenteraan dijalankan, iaitu Operasi Hammer 1965 di Bahagian Pertama. Operasi oleh RASCOM pula dilaksanakan di Bahagian Ketiga. Seterusnya, Operasi Sri Aman dilancarkan di Bahagian Kedua. Semua operasi ini berjaya melemahkan gerakan komunis di Sarawak.

*Rujukan Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 112*

**33** **C**

**Ulasan:** Dasar 1 Murid 1 Sukan dan Rancangan Integrasi Murid untuk Perpaduan (RIMUP) menggalakkan murid pelbagai kaum melibatkan diri dalam sukan yang digemari. Hal ini memberi peluang kepada murid pelbagai kaum untuk menceburi bidang sukan dan memupuk semangat setia kawan dan berpasukan di samping melahirkan atlet yang berkaliber.

*Rujukan Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 152*

**34** **D**

**Ulasan:** Kita mendukung cita-cita untuk mencipta satu masyarakat yang adil apabila semua anggota masyarakat mempunyai peluang yang sama untuk menikmati kekayaan negara. Masyarakat yang adil akan wujud apabila pihak yang lemah dan berkurangan dibantu supaya mereka mempunyai peluang yang sama untuk bersaing dan bebas daripada penindasan.

*Rujukan Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 158*

**35** **A**

**Ulasan:** Matlamat DPN adalah untuk mencapai perpaduan negara melalui pengagihan kekayaan. Matlamat ini dicapai melalui pembangunan seimbang antara negeri dan antara bandar dengan luar bandar melalui beberapa aspek. DPN dilaksanakan melalui Rancangan Malaysia Keenam dan Ketujuh.

*Rujukan Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 174*

**36** **A**

**Ulasan:** DEB dan DPN berjaya menurunkan kadar kemiskinan. Usaha mempelbagaikan kegiatan ekonomi membuka peluang pekerjaan. Kerajaan menambah baik peluang rakyat mendapatkan kemudahan awam yang meningkatkan taraf dan kualiti hidup. Pelaksanaan DEB kurangkan kemiskinan dari 49.3 (1970) ke 17.1 (1990). DPN mengurangkan 7.2 peratus pada 2000.

*Rujukan Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 180*

**37** **B**

**Ulasan:** Malaysia terlibat dengan United Nations of Educational, Scientific and Cultural Organization-UNESCO (Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan) PBB. Pelibatan aktif Malaysia membolehkan beberapa tapak di Malaysia, iaitu Gunung Mulu dan Taman Kinabalu (2000), Bandar Melaka dan Georgetown (2008) serta Lembah Lenggong (2012) diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia.

*Rujukan Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 199*

**38** **B**

**Ulasan:** Tokoh Malaysia dalam agensi PBB yang mendapat pengiktirafan PBB ialah Tan Sri Dr. Jemilah Mahmood (doktor perubatan dan aktivis kemanusiaan), Datuk Maimunah Mohd Sharif (penjawat awam), Tan Sri Razali Ismail (tokoh diplomat), Dr. Jomo Kwame Sundaran (ahli akademik) dan Tan Sri Aboo Samah Aboo Bakar (pegawai tentera).

*Rujukan Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 204–205*

**39 C**

**Ulasan:** Pada 1997–1998, Malaysia menghadapi kemelesetan ekonomi, iaitu nilai ringgit jatuh disebabkan spekulasi mata wang. Menyebabkan pelabur luar menarik pelaburan mereka hingga menjejaskan ekonomi Malaysia. Malaysia didesak mencontohi negara lain menggunakan pelan perancangan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) tetapi Malaysia enggan menerima. Malaysia menggunakan pendekatan sendiri dalam usaha memulihkan keadaan. Caranya menambat kadar pertukaran ringgit (RM) kepada Dollar (USD) dengan kadar RM3.80 bagi USD1. Langkah ini berjaya memulihkan ekonomi negara.

*Rujukan Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 232*

**40 B**

**Ulasan:** Pertubuhan dunia seperti PBB dan OIC tidak mampu berfungsi dengan baik dalam mencapai matlamatnya melindungi hak dan kedudukan negara kecil yang sedang membangun. Malaysia berpandangan penggunaan kuasa veto oleh kuasa besar tidak boleh disalahgunakan dan mereka tidak terkecuali daripada undang-undang antarabangsa.

*Rujukan Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 244*

## KERTAS 2

### Bahagian A

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| **1**(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 28* | F1 Filipina dijadikan sebahagian daripada wilayah Sepanyol | 1 |
| | F2 Bangsa Filipina diberi hak yang sama dengan bangsa Sepanyol | 1 |
| | F3 Mendesak kerajaan Sepanyol melakukan perubahan politik, ekonomi dan sosial di Filipina | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menyatakan tuntutan Gerakan Propaganda pimpinan Jose Rizal terhadap Sepanyol. | |
| | [*Mana-mana* 2 × 1*m*] | [*Maksimum*: 2 *markah*] |
| **1**(*b*)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 28* | F1 Mencetuskan idea nasionalisme yang lebih radikal | 1 |
| | F2 Andres Bonifacio telah menubuhkan Katipunan | 1 |
| | F3 Bertujuan memperoleh kemerdekaan Filipina melalui revolusi | 1 |
| | F4 Katipunan menggunakan akhbar *Kalayan* | 1 |
| | F5 Menyebarkan idea revolusi kepada rakyat | 1 |
| | F6 Bonifacio dan Emilio Aguinaldo telah melancarkan Revolusi Filipina tetapi gagal | 1 |
| | F7 Aguinaldo bekerjasama dengan Amerika Syarikat | 1 |
| | F8 Berjaya mengusir Sepanyol dari Filipina | 1 |
| | F9 Aguinaldo mengisytiharkan kemerdekaan Filipina pada tahun 1899 | 1 |
| | F10 Pengisytiharan kemerdekaan tersebut tidak diiktiraf oleh Amerika Syarikat | 1 |
| | F11 Filipina diletakkan pula di bawah penguasaan Amerika Syarikat | 1 |
| | F12 Golongan nasionalis mengubah strategi perjuangan | 1 |
| | F13 Menggunakan saluran diplomasi melalui parti politik sederhana | 1 |
| | F14 Sergio Osmena, pemimpin Parti Nasionalis dilantik menganggotai Dewan Perhimpunan Filipina pada 1907 | 1 |
| | F15 Gerakan menuntut kemerdekaan diteruskan oleh golongan nasionalis sehingga Perang Dunia Kedua | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan kesan kegagalan Gerakan Propaganda ini terhadap perkembangan nasionalisme di Filipina. | |
| | [*Mana-mana* 4 × 1*m*] | [*Maksimum*: 4 *markah*] |
| **1**(*c*)<br>*KBAT* | F1 Mengadakan kempen kesedaran dalam kalangan rakyat | 1 |
| | F2 Menubuhkan gerakan yang lebih tersusun dan berorganisasi | 1 |
| | F3 Mendapatkan sokongan/ kerjasama daripada rakyat secara lebih meluas | 1 |
| | F4 Rakyat tidak boleh menderhaka kepada raja | 1 |
| | F5 Menarik penyertaan daripada golongan intelek/ cerdik pandai agar lebih dipercayai dan dihormati | 1 |
| | F6 Menanam semangat cinta pada bangsa dan negara | 1 |
| | F7 Menyemai sikap tabah/ berani/ sanggup berkorban untuk negara | 1 |


© Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki mencadangkan usaha-usaha yang boleh dilakukan oleh pemimpin bagi memastikan gerakan nasionalisme mencapai kejayaan.<br>[*Mana-mana jawapan munasabah*]<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | [*Maksimum*: 4 *markah*] |
| **2**(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 244* | F1 Rancangan Buku Merah dilancarkan pada 25 Januari 1961 | 1 |
| | F2 Mengandungi projek berkaitan kemudahan asas | 1 |
| | F3 Seperti jalan kampung, jambatan, surau, bekalan air dan bekalan elektrik | 1 |
| | F4 Pemantauan dan maklum balas berdasarkan rekod dalam Buku Merah | 1 |
| | F5 Diletakkan di dalam Bilik Gerakan Kemajuan Negara | 1 |
| | F6 Pada peringkat daerah, negeri dan pusat | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan pelaksanaan Rancangan Buku Merah selepas merdeka.<br>[*Mana-mana* 2 × 1*m*] | [*Maksimum*: 2 *markah*] |
| **2**(*b*)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 245* | F1 Pendidikan | 1 |
| | H1a Wadah untuk membina bangsa bersatu | 1 |
| | H1b Penyata Rahman Talib dikeluarkan untuk mengkaji semula Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956 | 1 |
| | H1c Penekanan kepada bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di sekolah | 1 |
| | F2 Penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka | 1 |
| | H2a Mengukuhkan kedudukan bahasa Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan | 1 |
| | H2b Bahasa Melayu dijadikan bahasa kebangsaan | 1 |
| | H2c DBP diletakkan di bawah Kementerian Pelajaran | 1 |
| | F3 Penubuhan Jabatan Penerangan | 1 |
| | H3 Menyampaikan maklumat tentang peristiwa di dalam dan luar negara | 1 |
| | F4 Penubuhan pusat kesihatan dan hospital | 1 |
| | H4a Meningkatkan sosioekonomi penduduk luar bandar | 1 |
| | H4b Pada tahun 1957, negara mempunyai 65 buah hospital | 1 |
| | H4c Kementerian Kesihatan berperanan dalam memulihkan isu sosial dan pembangunan masyarakat demi kesejahteraan | 1 |
| | F5 Penyediaan kemudahan asas dan infrastruktur | 1 |
| | H5a Kemudahan bekalan elektrik dan air bersih diutamakan | 1 |
| | H5b Membantu meningkatkan taraf hidup | 1 |
| | H5c Merapatkan jurang penduduk luar bandar dengan bandar | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menerangkan pembangunan sosial yang diberi penekanan oleh kerajaan setelah negara mencapai kemerdekaan.<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | [*Maksimum*: 4 *markah*] |
| **2**(*c*)<br>*KBAT* | F1 Menghayati dan mengamalkan prinsip Rukun Negara | 1 |
| | F2 Taat setia kepada raja dan pemimpin negara | 1 |
| | F3 Sedia berkorban untuk bangsa dan negara | 1 |
| | F4 Mengukuhkan perpaduan kaum | 1 |
| | F5 Memupuk amalan bekerjasama dan bertolak ansur | 1 |
| | F6 Menghormati sensitiviti kaum lain | 1 |
| | F7 Mematuhi peraturan/ undang-undang negara | 1 |
| | F8 Meningkatkan ilmu pengetahuan | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan langkah-langkah yang boleh generasi muda lakukan untuk memastikan kemerdekaan negara terus kekal terpelihara.<br>[*Mana-mana jawapan munasabah*]<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | [*Maksimum*: 4 *markah*] |

© Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| **3**(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 73* | F1 Perlis<br>F2 Pulau Pinang<br>F3 Kedah<br>F4 Perak<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menamakan negeri yang terlibat dalam rancangan Pembangunan Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER).<br>[*Mana-mana* 2 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br><br><br>[*Maksimum*: 2 *markah*] |
| **3**(*b*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s.73* | F1 Berlandaskan projek pembangunan<br>F2 Perancangan strategik jangka panjang<br>F3 Memberi tumpuan kepada pembangunan negeri dan wilayah yang kurang pesat membangun<br>F4 Untuk mewujudkan keseimbangan pembangunan negeri dan wilayah<br>H4a Negeri atau wilayah utara, selatan, timur dan barat<br>H4b Negeri dan wilayah Semenanjung Malaysia dengan negeri dan wilayah di Sarawak dan Sabah<br>F5 Fokus kepada sumber yang berpotensi untuk dibangunkan<br>F6 Membuka peluang pekerjaan<br>F7 Peningkatan taraf hidup<br>F8 Merapatkan jurang pembangunan<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menghuraikan sebab rancangan Pembangunan Koridor Wilayah diwujudkan di seluruh Malaysia.<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>[*Maksimum*: 4 *markah*] |
| **3**(*c*)<br>*KBAT* | F1 Negeri-negeri di Pantai Barat lebih maju dan membangun<br>F2 Pembangunan negeri-negeri Pantai Barat lebih ke depan<br>F3 Wujud pusat-pusat perindustrian<br>F4 Kemasukan pelabur asing<br>F5 Menyediakan peluang pekerjaan<br>F6 Kepadatan penduduk menyediakan tenaga kerja yang cukup<br>F7 Kesan penjajahan British yang membangunkan negeri-negeri di Pantai Barat<br>F8 Disebabkan kekayaan bahan mentah<br>F9 Terdapat banyak kemudahan infrastruktur/ pengangkutan<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menerangkan sebab rancangan Pembangunan Koridor Wilayah tidak melibatkan negeri-negeri di Pantai Barat Semenanjung Malaysia.<br>[*Mana-mana jawapan munasabah*]<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>[*Maksimum*: 4 *markah*] |
| **4**(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 234–237* | F1 Isu Palestin<br>F2 Isu Syria<br>F3 Tsunami di Acheh dan Sri Lanka<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menyatakan isu kemanusiaan dan keamanan di peringkat global.<br>[*Mana-mana* 2 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br><br>[*Maksimum*: 2 *markah*] |
| **4**(*b*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 234–237* | F1 Menegakkan isu Palestin<br>F2 Disuarakan oleh semua Perdana Menteri Malaysia<br>F3 Sejak zaman Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj<br>F4 Memastikan keadilan dan hak rakyat Palestin<br>F5 Melalui Non-Governmental Organization – NGO (Pertubuhan Bukan Kerajaan)<br>F6 Membolehkan satu bentuk koordinasi membantu warga Palestin<br>F7 Aman Palestin/ Cinta Gaza Malaysia (CGM)<br>F8 NGO Aman Palestin yang didaftarkan secara rasmi tahun 2006 giat membantu Palestin secara kolektif/ sistematik/ berkesan<br>F9 Menyalurkan bantuan kebajikan dan sumbangan orang ramai kepada rakyat Palestin | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1 |


© Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| | F10 Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM) | 1 |
| | F11 Menjalankan kerja-kerja kesukarelawanan | 1 |
| | F12 Membantu rakyat Palestin yang tertindas | 1 |
| | F13 Hari Solidariti rakyat Palestin | 1 |
| | F14 Cinta Gaza Malaysia (CGM) | 1 |
| | F15 Diasaskan oleh Muhammad Nadir Al-Nuri Kamarulzaman dan beroperasi sejak 2013 | 1 |
| | F16 Menjalankan aktiviti kutipan dan sumbangan kepada Gaza | 1 |
| | F17 Menjalankan Projek Ramadan 2020/ tema "Ramadan Bulan Berkongsi Kebahagiaan" | 1 |
| | F18 Bantuan perubatan/ kebajikan/ belia/ teknologi hijau/ pendidikan al-Quran/ seni budaya | 1 |
| | F19 Muslim Care Malaysia ditubuhkan tahun 2006 dan aktif menjalankan misi kemanusiaan di Palestin | 1 |
| | F20 Rakyat Malaysia menyatakan sokongan padu kepada Palestin | 1 |
| | F21 Melakukan Demonstrasi sebagai tanda sokongan | 1 |
| | F22 Menubuhkan Tabung Palestin mengutip sumbangan | 1 |
| | F23 Menghantar bantuan makanan dan perubatan ke Palestin | 1 |
| | F24 Program Freedom Flotilla/ program kemanusiaan Free Gaza Movement yang ahlinya dari seluruh dunia | 1 |
| | F25 12 orang sukarelawan Malaysia kapal *Mavi Marmara* ditawan oleh Israel pada Mei 2010 | 1 |
| | F26 Dr. Fauziah Mohd Hasan ditawan oleh Israel dalam Program "Women's Boat to Gaza" dalam kapal *Zaytouna-Oliva* | 1 |
| | F27 Dr. Mohd Afendi Salleh dalam kapal *Al-Awda* tahun 2018 ditawan dan dipenjara oleh Israel | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan peranan aktif Malaysia dalam mencari penyelesaian adil untuk menangani konflik Israel-Palestin ke arah mewujudkan negara Palestin yang berdaulat dan merdeka. | |
| | [*Mana-mana* 4 × 1*m*] | [*Maksimum*: 4 *markah*] |
| **4**(*c*) KBAT | F1 Ketamakan kuasa politik | 1 |
| | F2 Persaingan menguasai ekonomi dunia | 1 |
| | F3 Tiada ketegasan dalam kalangan pemimpin dunia | 1 |
| | F4 PBB tidak memberi perhatian kepada negara ditindas | 1 |
| | F5 Sikap membisu kuasa besar dalam menangani konflik | 1 |
| | F6 Perebutan kawasan dalam sesebuah negara | 1 |
| | F7 Kuasa besar mencabuli hak negara-negara miskin | 1 |
| | F8 Menindas negara-negara dunia ketiga/ membangun | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki memberikan sebab bahawa konflik kemanusiaan masih berlaku pada masa kini. | |
| | [*Mana-mana jawapan munasabah*]<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | [*Maksimum*: 4 *markah*] |

**Bahagian B**

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| 5(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 78* | **Gurchan Singh** | |
| | F1 Menggerakkan penentangan terhadap pendudukan Jepun | 1 |
| | F2 Menyebarkan risalah dan propaganda | 1 |
| | F3 Menggunakan nama samaran "Lion of Malaya" | 1 |
| | F4 Risalah diedarkan secara teratur dan berkesan | 1 |
| | F5 Memberitahu penduduk mengenai perang dan pendudukan tentera Jepun | 1 |
| | F6 Menghadiri sidang akhbar tentera Jepun | 1 |
| | F7 Menyamar sebagai wartawan | 1 |
| | F8 Mendalangi sabotaj landasan kereta api | 1 |
| | F9 Menjejaskan pengangkutan tentera Jepun | 1 |
| | **Sybil Kathigasu** | |
| | F10 Mengendalikan klinik di Ipoh bersama suami, Dr. Abdon Clement | 1 |
| | F11 Memberikan bantuan ubat-ubatan dan perkhidmatan perubatan kepada gerila anti-Jepun | 1 |
| | F12 Menyembunyikan radio | 1 |
| | F13 Berkongsi maklumat daripada siaran radio British dengan gerila anti-Jepun | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan tindakan Gurchan Singh dan Sybil Kathigasu dalam menentang Jepun. | |
| | [*Mana-mana* 6 × 1*m*] | [*Maksimum*: 6 *markah*] |
| 5(*b*)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 81* | F1 Kegiatan penduduk Sarawak dikawal melalui persatuan | 1 |
| | H1 Ditaja oleh tentera British | 1 |
| | C1 Contohnya, Persatuan Cina digabungkan menjadi *Kakeo Kokokai* | 1 |
| | F2 Orang Melayu dan Iban diberikan jawatan/ kuasa yang lebih tinggi | 1 |
| | C2 Contohnya, pegawai daerah | 1 |
| | F3 Memberi kesedaran dan keyakinan kepada pegawai tempatan | 1 |
| | F4 Pegawai tempatan menjalankan tugas penting | 1 |
| | F5 Peribumi Sarawak lebih yakin untuk berkerajaan sendiri | 1 |
| | F6 Menyuntik kesedaran politik dalam kalangan rakyat Sabah | 1 |
| | F7 Beberapa pertubuhan ditubuhkan | 1 |
| | F8 Parti Kebangsaan Melayu Labuan (PKML) ditubuhkan oleh Tengku Noordin, Abu Bakar dan Zakaria Gunn | 1 |
| | F9 Parti Kebangsaan Melayu Tawau ditubuhkan | 1 |
| | H9 Dipengerusikan oleh Orang Kaya-Kaya Abu Bakar | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan bahawa gerakan anti-Jepun telah membawa kesedaran politik di Sabah dan Sarawak. | |
| | [*Mana-mana* 6 × 1*m*] | [*Maksimum*: 6 *markah*] |
| 5(*c*)<br>*KBAT* | F1 Keselamatan negara terancam | 1 |
| | H1a Sifat perkauman akan lebih menebal | 1 |
| | H1b Mencetuskan konflik perkauman/ rusuhan kaum | 1 |
| | C1b Peristiwa 13 Mei 1969 | 1 |
| | H1c Menimbulkan suasana yang tegang | 1 |
| | H1d Rakyat hidup dalam ketakutan | 1 |
| | H1e Campur tangan kuasa asing | 1 |
| | F2 Pembangunan negara akan terbantut | 1 |
| | H2a Pelaburan asing berkurangan | 1 |
| | H2b Ekonomi negara akan terjejas | 1 |
| | H2c Kedaulatan negara terancam | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menerangkan kesan sekiranya keamanan dan keharmonian negara tidak dipelihara. | |
| | [*Mana-mana jawapan munasabah*]<br>[*Mana-mana* 8 × 1*m*] | [*Maksimum*: 8 *markah*] |


© Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| **6**(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 222* | F1 Soal kewarganegaraan | 1 |
| | H1a Parti Perikatan/ UMNO menolak cadangan pemberian kewarganegaraan *jus soli* | 1 |
| | H1b Dewan Perniagaan Melayu memohon mengetatkan soal kewarganegaraan | 1 |
| | H1c Persatuan Dewan Perniagaan Cina se-Malaya meminta peruntukan kewarganegaraan menerusi kelahiran | 1 |
| | H1d Masyarakat India meminta kewarganegaraan mereka diteliti | 1 |
| | H1e Masyarakat Serani mahu hak mereka dipertahankan | 1 |
| | F2 Bahasa dan pendidikan | 1 |
| | H2a MCA menuntut supaya semua sekolah yang ada aliran Inggeris atau vernakular perlu diteruskan | 1 |
| | H2b Memorandum juga mencadangkan supaya semua sekolah kebangsaan mempelajari bahasa Inggeris, Melayu, Cina dan Tamil | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan cadangan yang dikemukakan oleh parti politik dan pihak awam dalam memorandum semasa perangkaan Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu. | |
| | [*Mana-mana* 4 × 1*m*] | [*Maksimum*: 4 *markah*] |
| **6**(*b*)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 224–225* | F1 Pengamalan Raja Berperlembagaan dan Sistem Demokrasi Berparlimen | 1 |
| | H1a Pemilihan seorang Raja-raja Melayu sebagai Yang di-Pertuan Agong | 1 |
| | H1b Pemilihan YDPA setiap lima tahun sekali | 1 |
| | F2 Kewarganegaraan | 1 |
| | H2a Setiap orang yang dilahirkan dalam Persekutuan pada atau selepas hari merdeka akan menjadi warganegara | 1 |
| | H2b Kewarganegaraan diberi melalui tiga cara | 1 |
| | H2c Melalui penguatkuasaan undang-undang | 1 |
| | H2d Memohon didaftarkan sebagai rakyat | 1 |
| | H2e Memohon untuk menukar kewarganegaraan atau naturalisasi | 1 |
| | F3 Kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan sah kaum lain | 1 |
| | H3a Semua rakyat Persekutuan Tanah Melayu mempunyai hak dan kewajipan yang sama | 1 |
| | H3b Rakyat Tanah Melayu diberikan beberapa keutamaan dengan mengambil kira status mereka sebagai rakyat asal Tanah Melayu | 1 |
| | H3c Hak kaum lain tetap dipelihara | 1 |
| | F4 Kedudukan agama Islam | 1 |
| | H4a Agama Islam sebagai agama Persekutuan | 1 |
| | H4b Agama lain boleh diamalkan dengan aman damai | 1 |
| | F5 Kedudukan bahasa Melayu | 1 |
| | H5a Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan | 1 |
| | H5b Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar/ bahasa komunikasi | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menerangkan inti pati Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 telah ditandatangani pada 5 Ogos 1957. | |
| | [*Mana-mana* 8 × 1*m*] | [*Maksimum*: 8 *markah*] |
| **6**(*c*)<br>*KBAT* | F1 Menjamin hak dan kebebasan warganegara | 1 |
| | C1 Contohnya, semua rakyat tanpa mengira kaum dan agama berhak mendapat perlindungan sama rata daripada pihak berkuasa | 1 |
| | H1a Menjamin keselamatan diri dan negara | 1 |
| | H1b Setiap masyarakat menjaga tingkah laku dan bertatatertib | 1 |
| | H1c Menghormati hak masing-masing untuk kesejahteraan negara | 1 |
| | F2 Menjamin agihan ekonomi yang seimbang antara kaum | 1 |
| | H2a Semua rakyat mendapat peluang dan hak yang sama dan adil | 1 |
| | C2a Contohnya, peluang pendidikan/ bantuan kerajaan/ pekerjaan | 1 |
| | H2b Kebajikan rakyat terpelihara tanpa mengira kaum | 1 |

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| | H2c Menjamin keadilan sosial antara kaum | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan bahawa Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu dapat menjamin perpaduan kaum di negara kita. | |
| | [*Mana-mana jawapan munasabah*]<br>[*Mana-mana* 8 × 1*m*] | [*Maksimum*: 8 *markah*] |
| **7**(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 103* | F1 Tarikh pembentukan Malaysia pada 31 Ogos 1963 | 1 |
| | F2 Sarawak, Sabah dan Singapura menjadi ahli dalam Persekutuan Malaysia bersama-sama Persekutuan Tanah Melayu | 1 |
| | F3 Kerajaan British mengiktiraf kedaulatan Sarawak, Sabah dan Singapura dalam Malaysia | 1 |
| | F4 Kelebihan buat Sarawak dan Sabah dalam menubuhkan kabinet negeri | 1 |
| | F5 Memperuntukkan tempoh masa peralihan kepada Sarawak dan Sabah (bidang pentadbiran awam/ pendidikan) | 1 |
| | F6 Kerusi Parlimen Singapura sebanyak 15 kerusi/ Sarawak 24 kerusi/ Sabah 16 kerusi | 1 |
| | F7 Penduduk bumiputera di Sarawak dan Sabah mendapat pengiktirafan sama seperti orang Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan | 1 |
| | **Memorandum 20 Perkara** | |
| | F8 Agama Islam agama rasmi Malaysia | 1 |
| | F9 Tiada agama rasmi untuk Borneo Utara | 1 |
| | F10 Perundangan berkaitan Islam di dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu tidak harus terpakai di Borneo Utara | 1 |
| | F11 Bahasa Melayu bahasa rasmi kebangsaan | 1 |
| | F12 Bahasa Inggeris akan digunakan untuk tempoh 10 tahun selepas Hari Malaysia | 1 |
| | F13 Bahasa Inggeris menjadi bahasa Borneo Utara untuk semua tujuan | 1 |
| | F14 Ketua Negeri di Borneo Utara tidak seharusnya layak untuk dipilih sebagai Ketua Persekutuan | 1 |
| | F15 Nama Persekutuan adalah Malaysia dan bukannya Melayu Raya | 1 |
| | F16 Tiada hak sepatutnya diberikan untuk berpisah daripada Persekutuan | 1 |
| | F17 Proses Borneonisasi di dalam perkhidmatan awam seharusnya dijalankan dengan sesegera mungkin | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan isi kandungan Perjanjian Malaysia atau Malaysia Agreement (MA63) yang ditandatangani oleh pihak-pihak United Kingdom of Great Britain dan Northern Ireland, Persekutuan Tanah Melayu, Borneo Utara, Sarawak dan Singapura. | |
| | [*Mana-mana* 6 × 1*m*] | [*Maksimum*: 6 *markah*] |
| **7**(*b*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 104* | F1 Diisytiharkan pada 16 September 1963 | 1 |
| | F2 Di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur | 1 |
| | H1a YDPA membacakan pengisytiharan Malaysia | 1 |
| | H1b Disaksikan oleh Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj | 1 |
| | F3 Di Kuching, Sarawak | 1 |
| | H3a Datu Abang Haji Openg mengangkat sumpah sebagai Yang di-Pertua Negeri Sarawak | 1 |
| | H3b Pengisytiharan dibaca oleh Khir Johari wakil Kerajaan Persekutuan | 1 |
| | H3c Turut dihadiri anggota kabinet negeri | 1 |
| | F4 Di Kota Kinabalu, Sabah | 1 |
| | H4a Diumumkan oleh Datu Mustapha Datu Harun | 1 |
| | H4b Menandatangani surat sumpah sebagai Yang di-Pertua Negeri Sabah yang pertama | 1 |
| | H4c Dihadiri oleh Tun Abdul Razak Hussein wakil Kerajaan Persekutuan | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menghuraikan peristiwa istiadat pengisytiharan Malaysia yang telah diadakan serentak di Kuala Lumpur, Sarawak dan Sabah. | |
| | [*Mana-mana* 6 × 1*m*] | [*Maksimum*: 6 *markah*] |


© Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| 7(*c*)<br>KBAT | F1 Rakyat menikmati pembangunan ekonomi<br>C1 Kemudahan infrastruktur/ peluang pekerjaan/ menambahkan pendapatan<br>H1a Kerana dasar-dasar ekonomi berjaya dilaksanakan<br>C1a Dasar Ekonomi Baru/ Dasar Pembangunan Nasional<br>H1b Memperuntukkan belanjawan negara<br>H1c Melalui hasil kutipan cukai<br>F2 Memajukan sektor pertanian/ perikanan/ perlombongan/ IKS<br>H2a Membawa masuk pelabur dari luar<br>H2b Membuka kilang-kilang di kawasan perindustrian<br>H2c Rakyat menikmati pembangunan sosial<br>C1c pendidikan/ tempat tinggal<br>F3 Melahirkan modal insan<br>H3a Meneruskan pembangunan negara<br>H3b Mengatasi masalah kemiskinan<br>C3b Menubuhkan Majlis Perumahan Negara<br>H3c Merangka strategi penyediaan rumah mampu milik<br>H3d Bekerjasama dengan pelbagai agensi<br>H3e Pembangunan ekonomi dan sosial yang dinikmati oleh rakyat menjadi kayu ukur kepada kemajuan negara/ hasil kebijaksanaan dan kerjasama pemimpin di peringkat negeri dan Persekutuan<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki membincangkan kebaikan dan manfaat yang diterima oleh rakyat negara kita pada hari ini melalui Perjanjian Malaysia 1963.<br>[*Mana-mana jawapan munasabah*]<br>[*Mana-mana* 8 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 8 *markah*] |
| 8(*a*)<br>Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 148 | F1 Membuka sekolah menengah kebangsaan<br>F2 Menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar<br>F3 Sekolah Alam Shah/ Sekolah Seri Puteri/ Kolej Sultan Abdul Halim<br>F4 Memupuk semangat kekitaan/ bersatu dalam kalangan murid<br>F5 Menambah bilangan guru terlatih Bahasa Melayu di sekolah menengah kebangsaan<br>F6 Guru khas untuk sekolah menengah jenis kebangsaan<br>F7 Memperkasa bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu<br>F8 Bahasa perpaduan<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan cara kerajaan memperkasakan bahasa Melayu dalam sistem pendidikan.<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 4 *markah*] |
| 8(*b*)<br>Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 149 | **UKM**<br>F1 Memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu<br>F2 Memperkenalkan pengajian pelbagai jurusan/ bidang kursus dalam Bahasa Melayu<br>F3 Penubuhan Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (IBKKM)<br>H3 Menjadikan UKM pusat penyelidikan/ rujukan dalam bahasa, kesusasteraan dan kebudayaan tamadun Melayu<br>F4 IBKKM bertukar nama kepada Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)<br>F5 Menjadi tumpuan para penyelidik/ sasterawan/ karyawan/ budayawan<br>F6 Pengiktirafan terhadap tokoh UKM<br>C6 Muhammad Haji Salleh dan Siti Zainon Ismail sebagai sasterawan negara<br>H6 Membuktikan UKM berjaya sebagai pusat keilmuan bahasa Melayu | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1 |

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| | **Dewan Bahasa dan Pustaka** | |
| | F7 Memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa ilmu | 1 |
| | H7 Membuka pejabat di wilayah dan cawangan di Pulau Pinang, Johor, Kelantan, Sarawak dan Sabah | 1 |
| | F8 Mengembangkan aktiviti sastera dan bahasa sebagai medium untuk memupuk perpaduan | 1 |
| | F9 Mengembangkan bahasa dan sastera melalui penerbitan buku dan majalah | 1 |
| | F10 Menyebarkan risalah | 1 |
| | F11 Menganjurkan seminar dan bengkel | 1 |
| | F12 Mengadakan pelbagai aktiviti sempena Minggu dan Bulan Bahasa Kebangsaan | 1 |
| | F13 Melancarkan slogan Bahasa Jiwa Bangsa | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menghuraikan peranan yang dimainkan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dalam memastikan bahasa Melayu kekal menjadi bahasa perpaduan negara. | |
| | [*Mana-mana* 8 × 1*m*] | [*Maksimum*: 8 *markah*] |
| **8**(*c*)<br>*KBAT* | F1 Ramai yang menganggap bahasa Melayu merupakan perkara yang remeh untuk dipelajari | 1 |
| | H1a Terdapat generasi muda yang tidak boleh bertutur dengan betul dalam bahasa ibunda mereka, iaitu bahasa Melayu | 1 |
| | H1b Mereka menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa kedua dan bahasa Inggeris sebagai bahasa perantara utama | 1 |
| | F2 Pemikiran masyarakat Melayu yang berpandangan bahasa Melayu tidak penting kerana mereka sendiri sudah dilahirkan Melayu dan berbahasa Melayu | 1 |
| | H2a Masyarakat bukan Melayu pula lebih mementingkan bahasa ibunda mereka | 1 |
| | F3 Bahasa Melayu kurang diaplikasikan dalam bidang-bidang tertentu | 1 |
| | C3 Contohnya, bidang kejuruteraan | 1 |
| | H3a Disebabkan terdapat terma-terma yang mungkin tidak terdapat dalam kosa kata bahasa Melayu | 1 |
| | H3b Oleh itu pihak Dewan Bahasa dan Pustaka perlu memainkan peranan yang diamanahkan kepada mereka | 1 |
| | H3c Memastikan bahasa Melayu tidak lagi terpinggir atau dipinggirkan | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki mengulas maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut dan memberikan pandangan terhadap isu yang dibincangkan. Calon boleh memberikan sekurang-kurangnya empat maklumat daripada petikan dan empat pandangan/ isi sendiri. Calon digalakkan untuk mengolah/ mengubah sedikit ayat daripada teks (tidak menyalin bulat-bulat). | |
| | [*Mana-mana jawapan munasabah*]<br>[*Mana-mana* 8 × 1*m*] | [*Maksimum*: 8 *markah*] |
| **9**(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 198–199* | F1 Pengiktirafan antarabangsa terhadap kedaulatan Malaysia | 1 |
| | F2 Membolehkan Malaysia menyertai misi tentera pengaman antarabangsa | 1 |
| | F3 Menyertai misi pegawai pemerhati PBB | 1 |
| | H3 Sahara Barat, Sierra Leone, Liberia, Congo dan lain-lain | 1 |
| | F4 Membenarkan rakyat Malaysia terlibat dalam agensi PBB | 1 |
| | F5 Pengiktirafan Tapak Warisan Dunia oleh UNESCO | 1 |
| | H5 Gunung Mulu dan Taman Kinabalu (2000), Bandar Melaka dan Georgetown (2008) dan Lembah Lenggong (2012) | 1 |
| | F6 Dilantik sebagai anggota tidak tetap Kerusi Majlis Keselamatan PBB pada tahun 1965, 1989–1990 , 1999–2000 dan 2015–2016 | 1 |
| | F7 Tun Dr. Mahathir Mohamad dilantik sebagai Ketua Jawatankuasa Antidadah Antarabangsa tahun 1988 | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan manfaat yang diperoleh Malaysia melalui penyertaan dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). | |
| | [*Mana-mana* 6 × 1*m*] | [*Maksimum*: 6 *markah*] |


© Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| **9**(*b*)(i)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 200–201* | F1 Antara misi pengaman Bosnia dan Herzegovina/ Lubnan/ Ethiopia/ Congo/ Kemboja/ Namibia/ Somalia/ Timor Leste<br>F2 Memastikan keselamatan penduduk<br>F3 Mengawasi gencatan senjata<br>C3 Contohnya, perang saudara<br>F4 Mendaulatkan undang-undang negara yang terlibat<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menerangkan sumbangan Malaysia dalam misi pengaman.<br>[*Mana-mana* 3 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 3 *markah*] |
| **9**(*b*)(ii)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 202–203* | F1 Membantu pentadbiran dan pengurusan<br>F2 Memberikan latihan teknikal<br>F3 Menjadi jurubahasa<br>F4 Antara misi pegawai pemerhati Sahara Barat/ Sierra Leone/ Liberia/ Congo/ Angola/ Namibia/ Mozambique/ Ethiopia/ Timor Leste/ Kemboja/ Iraq/ Chad-Libya/ Bosnia dan Herzegovina<br>F5 Menjamin kedaulatan negara<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menerangkan sumbangan Malaysia dalam misi pegawai pemerhati.<br>[*Mana-mana* 3 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 3 *markah*] |
| **9**(*c*)<br>*KBAT* | F1 Negara-negara mematuhi prinsip PBB, iaitu hidup bersama secara aman<br>F2 Sebarang konflik diselesaikan secara rundingan<br>F3 Kuasa-kuasa besar dunia tidak menindas negara-negara miskin dan negara kecil<br>F4 Mengukuhkan kerjasama antara negara serantau dan dunia<br>F5 Menentang segala aktiviti keganasan<br>F6 Menjadi orang tengah dalam mewujudkan keamanan dunia<br>F7 Menghantar bantuan melalui misi kemanusiaan ke kawasan yang berkonflik<br>F8 Mengukuhkan peranan PBB sebagai agensi pengaman dunia<br>F9 PBB perlu tegas dalam tindakan untuk mewujudkan keamanan dunia<br>F10 Kuasa besar yang terlibat dengan keganasan dunia perlu diadili oleh mahkamah perang<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menerangkan cara untuk mengekalkan keamanan dunia pada masa depan.<br>[*Mana-mana jawapan munasabah*]<br>[*Mana-mana* 8 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 8 *markah*] |

©Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

# KERTAS MODEL SPM SET 3

## KERTAS 1

1 **B**

**Ulasan:** Wilayah pengaruh merupakan kawasan pemerintahan raja yang diakui oleh rakyat. Wilayah pengaruh yang luas membuktikan kewibawaan pemerintahan kerajaan ini. Wilayah pengaruh diperoleh melalui penaklukan, naungan dan perkahwinan.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 7*

2 **A**

**Ulasan:** Rakyat berperanan dalam menyumbang tenaga kerja melalui sistem kerah seperti membina istana atau jalan.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 13*

3 **A**

**Ulasan:** Nasionalisme Filipina pada peringkat awal dipimpin oleh Jose Rizal melalui Gerakan Propaganda yang menuntut Filipina menjadi sebahagian daripada Sepanyol dan mempunyai hak yang sama dengan rakyat Sepanyol. Selain itu Jose Rizal menubuhkan Liga Filipina bagi mendesak kerajaan Sepanyol melakukan perubahan politik, ekonomi dan sosial di Filipina.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 28*

4 **B**

**Ulasan:** Pendidikan moden Islam melalui penubuhan madrasah menerima idea nasionalisme melalui kunjungan ulama Kaum Muda dari Sumatera Barat dan pelajar dari Mesir. Raffles Institution di Singapura, Maktab Melayu Kuala Kangsar (MCKK) dan Maktab Perguruan Sultan Idris (SITC) pula melahirkan golongan yang memimpin rakyat menuntut hak untuk mendapatkan pendidikan. Kesan daripada perkembangan sistem pendidikan telah melahirkan golongan intelektual seperti lepasan Timur Tengah.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 35*

5 **A**

**Ulasan:** Pakatan ketenteraan seperti Kuasa Tengah dan Pakatan Bertiga adalah hasil dari permusuhan antara kuasa Eropah. Persaingan ini bukan sekadar untuk mendapatkan tanah jajahan tetapi juga perlumbaan menghasilkan senjata moden dan sedia berperang demi mempertahankan kepentingan masing-masing.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 54*

6 **D**

**Ulasan:** Pentadbiran Jepun memperkenalkan Pemerintahan Tentera Tanah Melayu. Pada peringkat awal Tanah Melayu disatukan dengan Sumatera di bawah satu pentadbiran ketenteraan kemudian dipisahkan pada April 1944. Pentadbiran Singapura yang juga dikenali sebagai *Syonan-to* (Pulau Cahaya Selatan) dipisahkan dengan Tanah Melayu yang dikenali sebagai *Malai Baru* (Melayu Baru).

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 70*

7 **A**

**Ulasan:** British Military Administration di Tanah Melayu pada 12 September 1945 setelah Jepun menyerah kalah. BMA merupakan pentadbiran tentera yang diletakkan di bawah arahan Lord Mountbatten, Pemerintah Tertinggi Tentera Bersekutu di Asia Tenggara. Tugas BMA adalah untuk mengembalikan kestabilan dan memulihkan kepercayaan rakyat.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 94*

8 **A**

**Ulasan:** Orang Melayu menentang Malayan Union dengan menganggap Malayan Union sebagai "Hari Kematian". Bagi menunjukkan bantahan terhadap Malayan Union ribuan orang Melayu yang berhimpun memakai lilitan kain putih di songkok sebagai tanda berkabung.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 105*

9 **A**

**Ulasan:** Persekutuan Tanah Melayu 1948 ditubuhkan untuk menggantikan Malayan Union. Sebuah Jawatankuasa Kerja telah ditubuhkan bagi merangka Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu. Dato' Onn Jaafar terlibat di dalam Jawatankuasa Kerja sebagai wakil daripada UMNO. Selain wakil UMNO, Jawatankuasa Kerja turut dianggotai oleh wakil kerajaan British dan wakil Raja-raja Melayu.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 126–127*

10 **C**

**Ulasan:** *Jus soli* dalam ciri kewarganegaraan Persekutuan Tanah Melayu 1948 hanya terbuka kepada rakyat Raja dan rakyat British sahaja.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 135*

11 **A**

**Ulasan:** PKM berjaya mengukuhkan kedudukannya dengan menyusup dalam kesatuan sekerja, iaitu Pan-Malayan Federation of Trade Union (PMFTU). Komunis telah menguasai 335 kesatuan sekerja dan menyusup dalam PKMM, MDU dan PUTERA-AMCJA.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 147*



© Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

12 **B**

**Ulasan**: Tugas Auxiliary Police dalam usaha memerangi ancaman komunis ialah mempertahankan bandar dan kampung daripada serangan komunis. Di samping itu, mereka membantu polis menentang ancaman komunis.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 154*

13 **B**

**Ulasan**: British melaksanakan dasar dekolonisasi selepas Perang Dunia Kedua, iaitu menyediakan langkah berkerajaan sendiri secara beransur-ansur kepada tanah jajahannya.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 178*

14 **C**

**Ulasan**: Parti politik yang memperjuangkan kemerdekaan melalui konsep Melayu Raya adalah Parti Kebangsaan Melayu Raya (PKMM) yang ditubuhkan pada Oktober 1945. Antara pemimpinnya ialah Dr. Burhanuddin al-Helmi, Ishak Haji Muhammad dan Ahmad Boestamam. Selain itu, parti politik ini juga menekankan perpaduan antara penduduk berbilang kaum dan melahirkan kesedaran politik dalam kalangan orang Melayu.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 184*

15 **C**

**Ulasan**: Antara syarat yang diperlukan untuk menjadi calon Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan (MPP) 1955 ialah warganegara Persekutuan Tanah Melayu, berumur 21 tahun ke atas, tinggal di Persekutuan Tanah Melayu dan tinggal dalam tempoh 12 bulan sebelum hari penamaan calon, dan berpengetahuan dalam bahasa Inggeris dan bahasa Melayu.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 200*

16 **A**

**Ulasan**: Majlis Perundangan Persekutuan (MPP) perlu dibentuk selepas Pilihan Raya 1955 untuk menggubal undang-undang pentadbiran pada peringkat Persekutuan yang turut mengalami perubahan dari segi bilangan keanggotaannya.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 204*

17 **B**

**Ulasan**: Gerak kerja Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan bermula dengan meminta cadangan daripada semua penduduk yang berminat secara bertulis atau lisan. Kemudian diikuti dengan meneliti kedudukan perlembagaan bagi negeri dalam Persekutuan, menghadap Raja-raja Melayu, Menteri Besar, Penasihat British dan pegawai negeri. Seterusnya mengadakan persidangan untuk membincangkan pelbagai isu.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 221*

18 **D**

**Ulasan**: Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu telah ditandatangani pada 5 Ogos 1957 yang dinamakan sebagai Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu. Perjanjian ini merupakan asas kepada pembentukan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 224*

19 **D**

**Ulasan**: Jawatankuasa Sambutan berperanan memeriahkan sambutan dan berjalan dengan lancar. Antaranya kerajaan menganjurkan kursus khas berkaitan protokol yang diikuti seramai 300 orang pegawai kerajaan. Selain itu, menteri dan pegawai tinggi kerajaan disediakan pakaian khas, iaitu pakaian muskat, bangunan dan jalan di badar dihiasi dengan lampu dan bendera, gaji juga diberikan awal bagi rakyat bersedia menyambut hari merdeka.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 237*

20 **A**

**Ulasan**: Kesan aspek politik di negara kita dapat dilihat melalui amalan sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen. Di samping itu, sistem perundangan dan pentadbiran tempatan menjadi lebih berkesan apabila negara merdeka. Kesan dari sudut ekonomi pula dalam Rancangan Malaya Pertama 1956–1960, penubuhan FELDA, penubuhan institusi kewangan tempatan, pembangunan luar bandar dan Rancangan Buku Merah.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 242 & 244*

21 **A**

**Ulasan**: Ciri-ciri negara yang berdaulat ialah mempunyai pemerintahan, mempunyai sempadan, mempunyai perundangan dan mempunyai rakyat.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 8*

©Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

**22** **C**
**Ulasan**: Kedaulatan penting bagi memberikan kebebasan kepada negara untuk menjalankan urusan pentadbiran tanpa campur tangan pihak luar. Dasar pentadbiran negara dilaksanakan dengan berkesan melalui Jemaah Menteri dan kementerian yang berkaitan.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 10*

**23** **D**
**Ulasan**: Perjanjian Persekutuan 1948 merupakan titik penting pembentukan sebuah Persekutuan yang terdiri daripada negeri-negeri Melayu, Melaka dan Pulau Pinang.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 26*

**24** **B**
**Ulasan**: Perlembagaan mempunyai dua ciri utama, iaitu ciri tradisional dan moden bagi kestabilan dan kemajuan negara. Ciri-ciri tradisional terdiri daripada kesultanan dan pemerintahan beraja, agama Islam, bahasa Melayu dan kedudukan orang Melayu dan bumiputera. Manakala ciri-ciri moden pula ialah Kerajaan Persekutuan, Sistem Demokrasi Berparlimen dan kewarganegaraan.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 28–29*

**25** **D**
**Ulasan**: Majlis Raja-Raja ditubuhkan secara rasmi pada 1948. Majlis Raja-Raja menjadi institusi yang dilengkapi dengan kuasa dan sekretariat, sesuai dengan kedudukan dan peranannya. Majlis Raja-Raja diuruskan sepenuhnya oleh Raja-raja Melayu.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 43*

**26** **A**
**Ulasan**: Badan Kehakiman adalah badan yang bertanggungjawab mentafsir dan melaksanakan undang-undang serta mempertahankan Perlembagaan Persekutuan. Antara peranan Badan Kehakiman ialah menyelesaikan konflik berlaku antara Badan Perundangan dengan Badan Eksekutif berkaitan dengan undang-undang dan mengadili pertikaian antara pemerintah dan rakyat.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 55*

**27** **B**
**Ulasan**: Senarai Bersama ialah perkara yang membolehkan Parlimen dan DUN menggubal undang-undang untuk perkara yang sama. Antaranya ialah kebajikan awam, biasiswa, perlindungan haiwan liar dan taman negara, perancangan bandar dan luar bandar, kesihatan awam, kebersihan dan pencegahan penyakit, kebudayaan dan sukan serta perumahan.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 70*

**28** **D**
**Ulasan**: Salah satu langkah dalam kerjasama penyediaan perumahan rakyat ialah perumahan untuk mengatasi kemiskinan. Penyediaan perumahan ini bukan sekadar dapat mengatasi masalah kekurangan rumah tetapi juga sebagai langkah menghapuskan kemiskinan. Antaranya ialah Kerajaan Persekutuan menyediakan Program Perumahan Rakyat (PPR), Kerajaan Negeri memperkenalkan agensi seperti PKNS untuk membina rumah bagi rakyat berpendapatan rendah di samping menubuhkan program Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) melalui daripada Kerajaan Persekutuan.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 77*

**29** **C**
**Ulasan**: Antara rasional pembentukan Malaysia ialah faktor keselamatan daripada ancaman komunis di Singapura dan Sarawak, keseimbangan komposisi kaum, mempercepatkan kemerdekaan Sabah dan Sarawak serta pembangunan wilayah dalam pelbagai aspek.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 93*

**30** **B**
**Ulasan**: Tujuan penubuhan JSKM ialah meyakinkan penduduk Sarawak dan Sabah tentang pembentukan Malaysia, menyediakan ruang perbincangan, mengumpulkan pandangan, menyebarkan maklumat tentang Malaysia dan memupuk aktiviti penghebahan dan mempercepatkan pembentukan Malaysia.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 99*

**31** **A**
**Ulasan**: Kempen Malaysian Malaysia oleh Lee Kuan Yew menuntut hak sama rata untuk semua kaum menimbulkan keresahan dalam kalangan penduduk.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 119*


© Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

32 **B**
**Ulasan:** Langkah kerjasama yang diambil oleh kerajaan Malaysia dengan kerajaan Thailand untuk memerangi komunis termasuklah membina pagar sempadan dan operasi bersama. Langkah ini hasil dari Perjanjian Kerjasama Sempadan.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 125*

33 **C**
**Ulasan:** Antara usaha kerajaan untuk memartabatkan bahasa kebangsaan ialah Akta Bahasa Kebangsaan, memperkasa bahasa Melayu dalam sistem pendidikan, penubuhan UKM sebagai pusat keilmuan dan peranan DBP sebagai pusat perkembangan bahasa kebangsaan.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 148*

34 **D**
**Ulasan:** Matlamat utama aktiviti sukan dalam pendidikan adalah menggalakkan murid pelbagai kaum melibatkan diri dalam sukan yang digemari dan memupuk semangat setia kawan dan berpasukan, selain dari melahirkan atlet berkaliber.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 152*

35 **D**
**Ulasan:** Dasar Ekonomi Baru dilaksanakan pada tahun 1970–1990 bertujuan untuk menyusun semula masyarakat dan menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi serta membasmi kemiskinan dengan menambah pendapatan dan memperbanyakkan peluang pekerjaan.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 167*

36 **C**
**Ulasan:** Strategi DPN dalam bidang ekonomi termasuklah melibatkan pihak swasta dalam pembangunan ekonomi negara. Selain itu melaksanakan program penanaman semula. Penggunaan sains dan teknologi dalam meningkatkan kualiti dan hasil pertanian juga salah satu strategi kerajaan di samping meningkatkan pemilikan saham bumiputera.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 175*

37 **A**
**Ulasan:** Ikatan Sejarah merupakan salah satu faktor penggubalan dasar luar Malaysia. Hubungan Malaysia dengan Arab Saudi, Mesir, Yaman dan Turki dipengaruhi oleh ikatan keagamaan yang terjalin sekian lama. Selain ikatan keagamaan, Malaysia juga dipengaruhi dengan ikatan sejarah dan budaya dengan negara serantau dan antarabangsa seperti Singapura, Indonesia, China dan India. Di samping penyertaan Malaysia di dalam pertubuhan Komanwel selepas merdeka.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 197*

38 **D**
**Ulasan:** United Nations High Commissioner for Refugees (UNHCR) bertanggungjawab menjaga dan melindungi golongan pelarian dan golongan yang tidak bernegara. Malaysia tidak menandatangani Konvensyen Status Pelarian 1951 atau Protokol Status Pelarian 1967, menyebabkan Malaysia tiada rangka kerja perundangan berkenaan mengawal status dan hak pelarian di negara ini. Sikap Malaysia yang berperikemanusiaan membenarkan pelarian tinggal di negara ini sebelum ditempatkan ke negara dunia ketiga oleh UNHCR.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 199*

39 **B**
**Ulasan:** Malaysia menjalinkan kerjasama sosial melalui penubuhan Southeast Asian Ministers of Education Organization (SEAMEO) dalam semua bidang yang berkaitan dengan pendidikan, pertukaran pelajar dan penubuhan pusat serantau pendidikan seperti The Regional Centre of Education in Science and Mathematics (RESCAM) di Pulau Pinang. Selain itu, kerjasama dalam bidang kebudayaan dilaksanakan melalui festival kebudayaan dan kesenian seperti Tabung Kebudayaan ASEAN. Sukan SEA pula dilaksanakan untuk menjalinkan kerjasama dalam sukan.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 211*

40 **C**
**Ulasan:** Tuntutan terhadap Pulau Batu Putih melibatkan Malaysia dan Singapura. Tuntutan ini berjaya diselesaikan melalui keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Antarabangsa pada 2008 yang mana hak milik Pulau Batu Putih diputuskan menjadi hak milik Singapura.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 227*

© Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

## KERTAS 2

### Bahagian A

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| **1**(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 24–25* | F1 Revolusi Keagungan di England (1688)<br>F2 Revolusi Amerika (1776)<br>F3 Revolusi Perancis (1789)<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menyenaraikan peristiwa yang menyebabkan gerakan nasionalisme di Barat.<br>[*Mana-mana* 2 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br><br><br>[*Maksimum*: 2 *markah*] |
| **1**(*b*)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 24–25* | **Revolusi Keagungan di England (1688)**<br>F1 Keinginan menegakkan kedaulatan parlimen/ hak asasi<br>F2 Berlaku kerana Raja James II membelakangkan parlimen<br>F3 Ahli parlimen bangkit menentang raja berkuasa mutlak<br>F4 Mendapat sokongan Mary II/ suaminya Raja William of Orange<br>F5 Raja James II melarikan diri ke Perancis | <br>1<br>1<br>1<br>1<br>1 |
| | **Revolusi Amerika (1776)**<br>F6 Penentangan orang Amerika terhadap British<br>F7 British tidak melindungi hak orang Amerika<br>F8 Menentang Akta untuk memungut cukai/ Akta Pelayaran/ Akta Gula/ Akta Setem/ Akta Teh<br>F9 Slogan "tiada cukai tanpa perwakilan"<br>F10 Menubuhkan kongres di bawah George Washington<br>F11 Mengisytihar perang terhadap British/ meluluskan Perisytiharan Kemerdekaan Amerika<br>F12 Revolusi Amerika berakhir tahun 1783/ British mengakui kemerdekaan Amerika | <br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1 |
| | **Revolusi Perancis (1789)**<br>F13 Tercetus daripada idea yang memperjuangkan kebebasan persamaan dan persaudaraan<br>F14 Oleh golongan pemikir Perancis<br>F15 Seperti Jean Jacques Rousseau dan Voltaire Rousseau<br>F16 Menulis *The Social Contract*<br>F17 Mengemukakan keunggulan suara rakyat<br>F18 Sasaran golongan revolusi adalah terhadap pemerintahan autokratik Raja Louis XVI dan golongan bangsawan<br>F19 Golongan memonopoli pelbagai keistimewaan<br>F20 Rakyat terbeban dengan pelbagai cukai<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan sebab dalam peristiwa 1 (a) berlaku.<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | <br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>[*Maksimum*: 4 *markah*] |
| **1**(*c*)<br>*KBAT* | F1 Bangkit memperjuangkan kedaulatan negara<br>F2 Berani mempertahankan prinsip kedaulatan rakyat<br>F3 Rakyat harus mempertahankan hak mereka<br>F4 Kepentingan ilmu pengetahuan/ pendidikan dalam kehidupan<br>F5 Kerajaan harus menjaga hak kebajikan dan kebebasan rakyat<br>F6 Tidak mudah tertipu dengan muslihat musuh<br>F7 Perjuangan secara sistematik/ berorganisasi<br>F8 Kepimpinan haruslah berwibawa/ dihormati<br>F9 Kerjasama erat pemimpin dan rakyat<br>F10 Kerajaan harus mengelakkan rasuah/ salah guna kuasa | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1 |


© Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan iktibar yang boleh diambil daripada gerakan nasionalisme tersebut. | |
| | [*Mana-mana jawapan munasabah*] [*Mana-mana* 4 × 1*m*] | [*Maksimum*: 4 *markah*] |
| **2**(*a*) *Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 197* | F1 Pilihan raya peringkat bandaran George Town 1951 | 1 |
| | F2 Pilihan Raya Majlis Perbandaran Kuala Lumpur Februari 1952 | 1 |
| | F3 Pilihan raya pada peringkat bandar Johor Bahru/ Alor Setar/ Melaka/ Seremban | 1 |
| | F4 Pilihan raya peringkat negeri 1954 | 1 |
| | F5 Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955 | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menyenaraikan peringkat pilihan raya yang pernah diadakan di Persekutuan Tanah Melayu sepanjang tahun 1951–1955. | |
| | [*Mana-mana* 2 × 1*m*] | [*Maksimum*: 2 *markah*] |
| **2**(*b*) *Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 200–201* | F1 Suruhanjaya Penentuan Sempadan Kawasan ditubuhkan dan berjaya membentuk 52 kawasan pilihan raya | 1 |
| | F2 Rang undang-undang diluluskan bagi membolehkan pilihan raya di adakan (Ogos 1954) | 1 |
| | F3 Pendaftaran pengundi mulai 18 Oktober 1954 di seluruh Tanah Melayu, manakala di Terengganu bermula 29 Oktober 1954. | 1 |
| | H3a Syarat menjadi pengundi ialah warganegara Persekutuan Tanah Melayu | 1 |
| | H3b Berumur 21 tahun ke atas | 1 |
| | H3c Individu yang tinggal di Persekutuan Tanah Melayu dalam tempoh enam bulan terdahulu layak memohon sebagai pengundi | 1 |
| | F4 Penamaan calon | 1 |
| | H4a Syarat menjadi calon ialah warganegara Persekutuan Tanah Melayu | 1 |
| | H4b Berumur 21 tahun ke atas | 1 |
| | H4c Telah tinggal di Persekutuan Tanah Melayu dan tinggal dalam tempoh 12 bulan sebelum hari penamaan calon | 1 |
| | H4d Berpengetahuan dalam bahasa Inggeris dan bahasa Melayu | 1 |
| | F5 Mengadakan kempen pilihan raya (45 hari) | 1 |
| | F6 Proses mengundi | 1 |
| | F7 Peti undi dibawa ke pusat pengiraan undi | 1 |
| | F8 Proses pengiraan undi dilakukan | 1 |
| | F9 Pengumuman keputusan | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menerangkan proses Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955 diadakan di Persekutuan Tanah Melayu. | |
| | [*Mana-mana* 4 × 1*m*] | [*Maksimum*: 4 *markah*] |
| **2**(*c*) *KBAT* | F1 Mekanisme terbaik untuk memilih pemimpin yang berwibawa | 1 |
| | F2 Bagi tujuan penggubalan undang-undang | 1 |
| | F3 Pilihan raya penting kepada semua warganegara dalam sistem pemerintahan demokrasi | 1 |
| | F4 Setiap warganegara perlu bertanggungjawab mengambil tahu perkembangan politik semasa | 1 |
| | F5 Menjamin sistem pentadbiran negara berjalan dengan lancar | 1 |
| | F6 Kemahuan rakyat mestilah dibuktikan dengan pilihan raya | 1 |
| | F7 Rakyat melibatkan diri dalam proses memilih pemimpin negara serta menentukan bentuk kerajaan dan corak pemerintahan demokrasi melalui pilihan raya | 1 |
| | F8 Boleh mengekalkan kerajaan yang sedia ada atau menukarkan dengan kerajaan baharu melalui proses pilihan raya | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki memberikan pandangan kepentingan pilihan raya bagi menentukan kestabilan dan hala tuju sesebuah negara. | |
| | [*Mana-mana jawapan munasabah*] [*Mana-mana* 4 × 1*m*] | [*Maksimum*: 4 *markah*] |

©Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| **3**(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 106–107* | F1 Diumumkan oleh Dr. Subandrio Menteri Luar Indonesia | 1 |
| | H1 Mengancam kedudukan Indonesia (20 Januari 1963) | 1 |
| | F2 Melancarkan dasar konfrontasi dengan slogan "Ganyang Malaysia" (20 Januari 1963) | 1 |
| | F3 Tentera Indonesia melancarkan serangan gerila di Sarawak (16 Januari – 27 Mac 1963) | 1 |
| | F4 Pendaratan gerila di Johor/ di Telebu, Sarawak (Ogos – Disember 1964) | 1 |
| | F5 Berbalas tembakan antara tentera Malaysia dan Indonesia di Kalabakan, Sabah (12 April 1963) | 1 |
| | F6 Gerila Indonesia ditahan oleh pasukan tentera Malaysia (2 September 1964) | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menyatakan secara ringkas tentang dasar konfrontasi Indonesia. | |
| | [*Mana-mana* 3 × 1*m*] | [*Maksimum*: 3 *markah*] |
| **3**(*b*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 108–109* | F1 Menggunakan cara diplomatik | 1 |
| | H1a Isu serangan dibawa ke Majlis Keselamatan PBB | 1 |
| | H1b PBB menghantar C.V. Narasimhan untuk berunding dengan pemimpin Indonesia dan Persekutuan Tanah Melayu | 1 |
| | F2 Menghadiri rundingan di Manila | 1 |
| | H2 Malaysia diwakili oleh Muhammad Ghazali Shafie | 1 |
| | F3 Tunku Abdul Rahman bertemu dengan Presiden Soekarno di Tokyo | 1 |
| | H3 Tunku menerangkan tujuan pembentukan Malaysia | 1 |
| | F4 Tun Abdul Razak menghadiri mesyuarat Menteri Luar di Manila bagi mencari penyelesaian konfrontasi | 1 |
| | F5 Tunku menghadiri mesyuarat bersama Presiden Soekarno dan Presiden Macapagal di Manila | 1 |
| | H5 Hasilnya penerimaan Indonesia dan Filipina terhadap pembentukan Malaysia selepas penilaian oleh PBB terhadap Sarawak dan Sabah | 1 |
| | F6 1964, rundingan Malaysia, Indonesia dan Filipina melibatkan dua persidangan di Bangkok dan Tokyo | 1 |
| | H6 Menteri Luar Thailand memainkan peranan menganjur pertemuan Menteri Luar Indonesia | 1 |
| | F7 30 September 1965, peralihan kepimpinan di Indonesia telah menamatkan konfrontasi | 1 |
| | F8 Ogos 1966, Indonesia mengumumkan penamatan konfrontasi | 1 |
| | F9 Tun Abdul Razak menandatangani perjanjian Persetujuan Normalisasi Hubungan Indonesia – Malaysia di Jakarta pada 11 Ogos 1966 | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan usaha-usaha yang diambil oleh Malaysia untuk mengatasi konfrontasi tersebut. | |
| | [*Mana-mana* 3 × 1*m*] | [*Maksimum*: 3 *markah*] |
| **3**(*c*)<br>*KBAT* | F1 Hubungan diplomatik yang terjalin sekian lama terputus | 1 |
| | F2 Mencetuskan perbalahan kedua-dua negara | 1 |
| | F3 Mewujudkan ketidakstabilan serantau | 1 |
| | F4 Menjejaskan kegiatan ekonomi seharian | 1 |
| | F5 Rakyat takut untuk menjalankan aktiviti | 1 |
| | F6 Menjejaskan imej negara | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki memberikan pendapat berkenaan kesan/ impak kepada kedua-dua negara hasil dari tindakan Indonesia melancarkan dasar konfrontasi terhadap Malaysia. | |
| | [*Mana-mana jawapan munasabah*]<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | [*Maksimum*: 4 *markah*] |


© Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| 4(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 80* | F1 Menyelaraskan pentadbiran Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri<br>F2 Membincangkan pelaksanaan sesuatu dasar yang diputuskan oleh kerajaan<br>C2 Menyelaraskan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) diseluruh negara<br>F3 Mengeratkan kerjasama antara kedua-dua kerajaan<br>F4 Mengukuhkan sistem Persekutuan<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menerangkan tujuan Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri dijalankan.<br>[*Mana-mana* 2 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>[*Maksimum*: 2 *markah*] |
| 4(*b*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 81* | F1 Majlis Kewangan Negara<br>H1 Mentadbir hal ehwal berkaitan dengan kewangan<br>C1 Pemberian wang/ bayaran cukai/ pinjaman Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri<br>F2 Majlis Tanah Negara<br>H2a Membentuk dasar<br>H2b Dan mengawal penggunaan tanah<br>H2c Untuk kegiatan pertanian/ perlombongan/ perhutanan<br>F3 Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan<br>H3a Perundingan Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri<br>H3b Untuk membangunkan Kerajaan Tempatan<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menghuraikan majlis-majlis khas yang ditubuhkan untuk menyelaraskan pentadbiran Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>[*Maksimum*: 4 *markah*] |
| 4(*c*)<br>*KBAT* | F1 Penyediaan prasarana untuk semua<br>H1 Sistem pengangkutan dan perhubungan<br>C1 Jalan raya/ kereta api/ udara<br>F2 Pembinaan sekolah dan institusi pengajian tinggi/ wajib bersekolah<br>F3 Perkhidmatan kesihatan/ hospital/ klinik/ vaksin<br>F4 Perkhidmatan utiliti/ pos/ elektrik/ air/ Internet<br>F5 Perumahan rakyat/ PPRT/ PRIMA/ PPAIM<br>F6 Keselamatan/ askar/ polis/ kawalan sempadan<br>F7 Kerajaan Persekutuan berusaha membangunkan prasarana dan ekonomi seimbang antara negeri serta menjamin masyarakat adil<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menghuraikan tanggungjawab Kerajaan Persekutuan dalam memberikan kesejahteraan pada negeri dan rakyat.<br>[*Mana-mana jawapan munasabah*]<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>[*Maksimum*: 4 *markah*] |

**Bahagian B**

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| 5(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 71* | F1 Pentadbiran tentera Jepun melaksanakan sistem ekonomi kawalan<br>F2 Rancangan pengeluaran lima tahun dan Jawatankuasa Penyelidikan Bahan diperkenal<br>H2a Untuk mengawal selia pelupusan barangan<br>H2b Dan membuat penyelidikan kegunaan baharu bagi sumber tempatan<br>F3 Rancangan Perindustrian Lima Tahun diperkenalkan<br>H3a Untuk membangunkan industri tempatan<br>H3b Dan memastikan penggunaan optimum peralatan dan kemudahan sedia ada<br>F4 Mata wang Jepun menggantikan mata wang yang digunakan oleh British<br>F5 Mata wang Jepun dicetak tanpa kawalan menyebabkan berlaku inflasi<br>H5 Kerana banyak wang tetapi kekurangan barangan di pasaran<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan dasar ekonomi yang diperkenalkan oleh Jepun di negara kita.<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>[*Maksimum*: 4 *markah*] |

©Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| **5**(*b*)(i) *Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 76* | F1 Mendapat latihan di India dan Sri Lanka | 1 |
| | F2 Kemudian dihantar ke Tanah Melayu melalui kapal selam atau diturunkan melalui payung terjun dari kapal terbang | 1 |
| | F3 Bertujuan mendapatkan sokongan orang Melayu dan menubuhkan pasukan gerila anti-Jepun | 1 |
| | F4 Menjalankan aktiviti rahsia | 1 |
| | H4 Seperti mengumpul maklumat, melakukan sabotaj dan menyebarkan propaganda | 1 |
| | F5 Membuat persiapan untuk British melancarkan Operasi Zipper | 1 |
| | H5 Untuk menawan Tanah Melayu semula pada tahun 1945 | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menerangkan perjuangan rakyat menentang pendudukan Jepun melalui Force 136. | |
| | [*Mana-mana* 4 × 1*m*] | [*Maksimum*: 4 *markah*] |
| **5**(*b*)(ii) *Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 74* | F1 Bersama-sama tentera British menentang pendaratan tentera Jepun di Kelantan | 1 |
| | F2 Pertempuran di Singapura menunjukkan semangat juang yang tinggi | 1 |
| | F3 Leftenan Adnan Saidi bertempur di Bukit Candu, Singapura sehingga kehabisan peluru | 1 |
| | F4 Leftenan Ibrahim Alla Ditta MC menyelamatkan hampir 2,000 orang tentera Bersekutu yang terperangkap di kawasan pantai Johor | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menerangkan perjuangan rakyat menentang pendudukan Jepun melalui Rejimen Askar Melayu. | |
| | [*Mana-mana* 4 × 1*m*] | [*Maksimum*: 4 *markah*] |
| **5**(*c*) *KBAT* | F1 Mengukuhkan perpaduan kaum | 1 |
| | F2 Berganding bahu memajukan ekonomi negara | 1 |
| | F3 Berhati-hati dengan muslihat kuasa asing | 1 |
| | F4 Menguatkan sektor ketenteraan | 1 |
| | F5 Memastikan kestabilan politik negara | 1 |
| | F6 Mengelakkan huru-hara, rusuhan dan demonstrasi jalanan | 1 |
| | F7 Berusaha memajukan diri dengan ilmu, kemahiran dan teknologi terkini | 1 |
| | F8 Mengelakkan daripada meminta campur tangan kuasa luar dalam politik negara | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki memberikan cadangan untuk menjamin kemerdekaan dan kedaulatan negara terus berkekalan. | |
| | [*Mana-mana jawapan munasabah*] [*Mana-mana* 8 × 1*m*] | [*Maksimum*: 8 *markah*] |
| **6**(*a*) *Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 148–151* | F1 PKM melancarkan perjuangan bersenjata | 1 |
| | F2 PKM melumpuhkan ekonomi | 1 |
| | F3 PKM menghancurkan infrastruktur | 1 |
| | C3 Jalan raya/ jalan kereta api/ telegraf/ telefon | 1 |
| | F4 PKM mengancam keselamatan rakyat | 1 |
| | F5 Komunis membunuh pengurus ladang/ Arthur Walker/ John Allison/ Ian Cristian | 1 |
| | F6 Komunis menyerang ladang/ lombong | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan sebab darurat diisytiharkan oleh British. | |
| | [*Mana-mana* 4 × 1*m*] | [*Maksimum*: 4 *markah*] |
| **6**(*b*) *Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 162–163* | F1 Meningkatkan kos perbelanjaan | 1 |
| | H1a Anggaran purata kos darurat ialah sebanyak \$250 ribu hingga \$300 ribu sehari/ \$10 juta sebulan/ \$120 juta setahun | 1 |
| | H1b Kerajaan membelanjakan kos yang besar untuk menyelesaikan masalah penempatan semula penduduk di pinggir hutan | 1 |
| | H1c Dari 1950 hingga 1953, dianggarkan lebih \$7 juta untuk pembangunan di Kampung Baru | 1 |
| | F2 Menyebabkan penderitaan dan kesengsaraan rakyat | 1 |
| | H2a Rakyat menderita semasa zaman darurat | 1 |
| | H2b Kawasan lombong dan ladang menjadi sasaran serangan komunis | 1 |
| | H2c Kegiatan ekonomi negara terjejas | 1 |


© Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| | H2d Pengeluaran tanaman padi dan makanan lain berkurangan | 1 |
| | H2e Harga barang makanan dan keperluan harian melambung tinggi | 1 |
| | H2f Peniaga, pengusaha kebun, peladang dan pelombong menjadi sasaran peras ugut komunis untuk mendapatkan wang dan bekalan makanan | 1 |
| | H2g Kegagalan memenuhi tuntutan komunis akan menyebabkan kemusnahan pada lombong, ladang dan kehilangan nyawa | 1 |
| | H2h Penduduk sukar untuk bergerak dan memperoleh bekalan keperluan | 1 |
| | H2i Terpaksa mematuhi pelbagai peraturan yang dikenakan oleh kerajaan | 1 |
| | H2j Penduduk sukar menjalankan kegiatan harian | 1 |
| | H2k Pekebun dan pekerja lombong tidak dapat bekerja kerana arahan perintah berkurung | 1 |
| | H2l Catuan bekalan makanan yang dikenakan oleh kerajaan menyebabkan mereka bergantung kepada makanan seperti ubi kayu, keledek dan jagung | 1 |
| | F3 Merenggangkan hubungan kaum | 1 |
| | H3a Rancangan penempatan semula Kampung Baru didominasi oleh kaum tertentu | 1 |
| | H3b Kaum Cina ditempatkan dalam kawasan yang sama, manakala kaum lain di petempatan yang lain | 1 |
| | H3c Petempatan baharu dilengkapi dengan prasarana dan berkembang menjadi bandar baharu, manakala kaum Melayu hanya tertumpu di kampung yang serba kekurangan | 1 |
| | H3d Kawalan yang ketat menyebabkan hubungan dengan kaum lain terbatas | 1 |
| | H3e Menyebabkan hubungan antara kaum semakin renggang | 1 |
| | F4 Korban nyawa | 1 |
| | H4a Darurat menyebabkan banyak anggota pasukan keselamatan terkorban | 1 |
| | H4b Menyebabkan penderitaan dan kesengsaraan rakyat | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan kesan sosioekonomi yang wujud akibat pelaksanaan darurat. | |
| | [*Mana-mana* 8 × 1*m*] | [*Maksimum*: 8 *markah*] |
| 6(*c*) KBAT | F1 Memantapkan perpaduan antara kaum | 1 |
| | H1 Kesedaran melalui kempen di media massa, media cetak dan media sosial | 1 |
| | F2 Mengukuhkan ekonomi negara | 1 |
| | H2a Kekayaan yang dinikmati bersama | 1 |
| | H2b Menjamin agihan ekonomi yang seimbang antara kaum | 1 |
| | F3 Hubungan diplomatik diperkukuhkan | 1 |
| | H3a Meningkatkan pertahanan dan keselamatan negara | 1 |
| | H3b Menjamin keselamatan diri dan negara | 1 |
| | F4 Memastikan semua kaum dilayan dengan adil dan saksama | 1 |
| | H4 Kebajikan rakyat terpelihara tanpa mengira kaum | 1 |
| | C4 Contohnya, peluang pendidikan/ bantuan kerajaan/ pekerjaan | 1 |
| | F5 Menjamin keadilan sosial antara kaum | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki memberikan pandangan bagi memastikan keamanan negara hari ini dapat dikekalkan. | |
| | [*Mana-mana jawapan munasabah*]<br>[*Mana-mana* 8 × 1*m*] | [*Maksimum*: 8 *markah*] |
| 7(*a*) *Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 238–239* | F1 Wakil Parti Perikatan dari Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura mengambil tempat duduk | 1 |
| | F2 300 pemuda membentuk perbarisan kehormat di hadapan padang menghadap Jalan Raja | 1 |
| | F3 Semua lampu dipadam | 1 |
| | F4 Lampu dipasang semula apabila jam besar berbunyi detik 12.00 tengah malam | 1 |
| | F5 Bendera Union Jack diturunkan | 1 |
| | F6 Diiringi oleh lagu *God Save The Queen* | 1 |
| | F7 Tanda berakhir pentadbiran British | 1 |
| | F8 Disambut dengan tepukan/ laungan merdeka | 1 |
| | F9 Bendera PTM dinaikkan | 1 |
| | F10 Diiringi lagu *Negaraku* | 1 |
| | F11 Sorakan merdeka sebanyak tujuh kali | 1 |

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| | F12 Tunku memberi tabik hormat semasa bendera PTM dinaikkan | 1 |
| | F13 Pemuda Perikatan mengalungkan pingat emas "Bapa Kemerdekaan" kepada Tunku | 1 |
| | F14 Tunku memberikan ucapan | 1 |
| | F15 Majlis diakhiri dengan bacaan doa selamat | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menghuraikan rentetan peristiwa sebelum detik pemasyhuran kemerdekaan negara. | |
| | [*Mana-mana* 6 × 1*m*] | [*Maksimum*: 6 *markah*] |
| **7**(*b*)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 240–241* | F1 Duke of Gloucester memberikan ucapan | 1 |
| | F2 Duke of Gloucester menyerahkan Surat Perlembagaan Serahan Kuasa kepada Tunku Abdul Rahman | 1 |
| | F3 Tunku Abdul Rahman membaca Pemasyhuran Kemerdekaan | 1 |
| | F4 Tunku melaungkan "Merdeka" sebanyak tujuh kali | 1 |
| | F5 Laungan azan oleh Ustaz Hassan Azhari | 1 |
| | F6 Bendera PTM dinaikkan | 1 |
| | F7 Diiringi oleh lagu *Negaraku* | 1 |
| | F8 101 das tembakan dilepaskan | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan peristiwa bersejarah yang terjadi pada pagi 31 Ogos 1957 di Stadium Merdeka. | |
| | [*Mana-mana* 6 × 1*m*] | [*Maksimum*: 6 *markah*] |
| **7**(*c*)<br>*KBAT* | F1 Perasaan gembira | 1 |
| | C1 Berkumpul seawal pagi dan berhujan serta berpanas untuk menyambut hari kemerdekaan | 1 |
| | H1a Kerana menjadi negara dan bangsa yang berdaulat | 1 |
| | H1b Menandakan kemenangan/ bebas daripada penjajahan | 1 |
| | F2 Berasa bangga | 1 |
| | H2a Mengingati perjuangan menuntut kemerdekaan dilakukan oleh semua pihak | 1 |
| | H2b Menunjukkan kesepakatan/ perpaduan rakyat | 1 |
| | F3 Rasa bersyukur | 1 |
| | H3a Kerana hidup di bawah pemerintahan sendiri | 1 |
| | H3b Dan menentukan masa depan negara mengikut acuan sendiri | 1 |
| | F4 Menguatkan rasa cinta kepada negara | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menyatakan perasaan calon sekiranya terlibat dalam sambutan kemerdekaan pada ketika itu dan mengemukakan sebab calon berasa sedemikian. | |
| | [*Mana-mana jawapan munasabah*]<br>[*Mana-mana* 8 × 1*m*] | [*Maksimum*: 8 *markah*] |
| **8**(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 157* | F1 Digubal berikutan peristiwa 13 Mei 1969 | 1 |
| | F2 Hasil perbincangan dan pemikiran Majlis Perundingan Negara (MAPEN) | 1 |
| | F3 Yang dibentuk oleh MAGERAN pada 29 Januari 1970 | 1 |
| | F4 Bertujuan menyatukan rakyat | 1 |
| | F5 Menggariskan ikrar yang perlu dihayati oleh warganegara Malaysia | 1 |
| | F6 Dianggap falsafah hidup rakyat Malaysia | 1 |
| | F7 Diisytiharkan secara rasmi oleh Yang di-Pertuan Agong IV pada 31 Ogos 1970 | 1 |
| | F8 Sempena ulang tahun kemerdekaan yang ke-13 | 1 |
| | F9 Membentuk ideologi negara | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan latar belakang pembentukan Rukun Negara. | |
| | [*Mana-mana* 4 × 1*m*] | [*Maksimum*: 4 *markah*] |


© Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| **8**(*b*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 158* | F1 Mencipta satu bangsa/ negara yang bersatu | 1 |
| | H1a Menganggap diri sebagai rakyat Malaysia | 1 |
| | H1b Tanpa mengira keturunan/ kepercayaan | 1 |
| | H1c Mempunyai kesetiaan/ cinta akan negara | 1 |
| | F2 Mencipta masyarakat adil | 1 |
| | H2a Masyarakat mempunyai peluang yang sama | 1 |
| | H2b Untuk menikmati kekayaan negara | 1 |
| | H2c Membantu golongan yang lemah | 1 |
| | H2d Bersaing dan bebas daripada penindasan | 1 |
| | F3 Menegakkan satu masyarakat progresif | 1 |
| | H3a Mengikut kemajuan sains/ teknologi | 1 |
| | H3b Bergerak maju mengikut perubahan | 1 |
| | H3c Masih mengamalkan nilai keharmonian | 1 |
| | F4 Mewujudkan masyarakat liberal | 1 |
| | H4a Bebas amalkan agama/ adat resam/ kebudayaan | 1 |
| | H4b Menentukan perpaduan negara | 1 |
| | H4c Demi membentuk kekuatan negara/ bangsa | 1 |
| | F5 Memelihara cara hidup demokratik | 1 |
| | H5a Rakyat bertindak mengikut Parlimen | 1 |
| | H5b Menerima peruntukan dalam perlembagaan | 1 |
| | H5c Tidak melanggar undang-undang negara | 1 |
| | H5d Mengutamakan kepentingan negara | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menghuraikan matlamat Rukun Negara.<br>[*Mana-mana* 8 × 1*m*] | [*Maksimum*: 8 *markah*] |
| **8**(*c*)<br>*KBAT* | F1 Bersama-sama menjunjung lima prinsip Rukun Negara | 1 |
| | H1a Menjadi teras rakyat berbilang kaum di Malaysia | 1 |
| | H1b Agar hidup aman damai | 1 |
| | H1c Jangan tabur sentimen negatif dalam masyarakat | 1 |
| | H1d Kerana ini boleh mengundang perbalahan/ perpecahan | 1 |
| | C1d Seperti isu perkauman/ hak sesuatu kaum | 1 |
| | H1e Kerana akan menjejaskan kerukunan hidup masyarakat berbilang kaum/ budaya/ agama | 1 |
| | F2 Hargai erti kemerdekaan | 1 |
| | H2a Bersatu untuk mempertahankan kedaulatan negara | 1 |
| | H2b Mengekalkan kehidupan yang aman dan harmoni | 1 |
| | H2c Eratkan persefahaman | 1 |
| | H2d Terap nilai patriotisme sejak kecil | 1 |
| | H2e Patuh dan taat kepada raja dan negara/ kerajaan | 1 |
| | H2f Permasalahan negara dan rakyat akan dapat diuruskan dengan berkesan | 1 |
| | F3 Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin telah merasmikan Majlis Pelancaran Sambutan Ulang Tahun ke-50 Rukun Negara | 1 |
| | F4 Logo rasmi sambutan Jubli Emas Rukun Negara (1970–2020) | 1 |
| | H4 Mempunyai rasional yang sesuai dengan prinsip Rukun Negara | 1 |
| | F5 Rakyat perlu amalkan lima prinsip Rukun Negara | 1 |
| | H5a Dengan menjadikan agama sebagai panduan hidup | 1 |
| | H5b Menghormati raja sebagai simbol perpaduan rakyat berbilang kaum | 1 |
| | H5c Berani mempertahankan kedaulatan negara | 1 |
| | H5d Ketinggian dan keagungan Perlembagaan Persekutuan | 1 |
| | H5e Menghormati undang-undang negara | 1 |
| | H5f Bersyukur dengan anugerah tanah air yang aman harmoni | 1 |
| | F6 COVID-19 dapat dicegah jika patuh arahan MKN | 1 |
| | H6a Amalkan SOP dan norma baharu kehidupan | 1 |
| | H6b Penjarakan fizikal/ memakai pelitup muka/ kerap mencuci tangan | 1 |
| | H6c Setiap rakyat Malaysia mesti bersatu padu untuk mempertahankan kedaulatan negara | 1 |
| | H6d Perpaduan menjadikan rakyat dan negara stabil dan kuat | 1 |

© Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menghuraikan mesej yang terkandung dalam poster tersebut. Calon boleh memberikan apa sahaja maklumat yang terdapat di dalam poster.<br>[*Mana-mana jawapan munasabah*]<br>[*Mana-mana* 8 × 1*m*] | [*Maksimum*: 8 *markah*] |
| **9**(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 238* | F1 Membantu pemuliharaan biologi dan geologi | 1 |
| | F2 Memastikan Langkawi dikenali | 1 |
| | F3 Langkawi sebagai destinasi ekopelancongan | 1 |
| | F4 Membantu meningkatkan pendapatan penduduk setempat | 1 |
| | F5 Membantu meningkatkan ekonomi negara | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan kepentingan pengisytiharan tersebut kepada negara.<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | [*Maksimum*: 4 *markah*] |
| **9**(*b*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 238–241* | F1 Mengisytiharkan Deklarasi Langkawi | 1 |
| | H1a Bersempena Mesyuarat Ketua-Ketua Negara Komanwel | 1 |
| | H1b Dilaksanakan sebagai usaha menangani isu alam sekitar | 1 |
| | C1b Menangani isu kesan rumah hijau dan penipisan ozon | 1 |
| | F2 Memperkenalkan Dasar Alam Sekitar Negara 2002 | 1 |
| | H2 Menjadi asas dalam pembangunan negara | 1 |
| | F3 Melancarkan Dasar Teknologi Hijau Negara 2009 | 1 |
| | H3 Menggalakkan penggunaan produk teknologi hijau bagi mengawal perubahan iklim | 1 |
| | F4 Anugerah Langkawi diberikan kepada warganegara Malaysia yang menunjukkan komitmen dan sumbangan dalam bidang alam sekitar | 1 |
| | F5 Menyertai Sidang Kemuncak Bumi di Rio de Janeiro, Brazil | 1 |
| | H5a Mengeluarkan Deklarasi Agenda 12 | 1 |
